

# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS 2010

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan  
Jawab Lisan Harian Yang Tidak  
Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat  
Daripada Kementerian**

**HARI KHAMIS: 8JULAI 2010**

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DAP AT DIJAWAB DIDALAM DEWAN  
(SOALAN NO. 2, 4,13 HINGGA 60 )**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 3, 5 HINGGA 12**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NO. AUM : 27**

**NO. AUP : 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :        LISAN**  
**DARIPADA            DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
**[ KOTA RAJA ]**  
**TARIKH                8 JULAI 2010**  
**RUJUKAN             2804**

**SOALAN:**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan jumlah banduan dan penjara di  
seluruh negara dan peratusan banduan yang telah dibebaskan yang  
kembali dipenjarakan semula kerana mengulangi perlakuan  
jenayah.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota**

**Raja yang mengemukakan pertanyaan.**

**Dimaklumkan Jabatan Penjara Malaysia mengendalikan 40 pusat penahanan yang terdiri daripada 31 penjara, 5 Pusat Pemulihan Akhlak, 3 Sekolah Henry Gurney dan 1 Tempat Tahanan Perlindungan.**

**Berdasarkan statistik yang berakhir pada 24 Mei 2010 terdapat seramai 34,774 banduan yang sedang ditahan atau menjalani hukuman di 31 penjara berkenaan.**

**Statistik kemasukan banduan untuk kes berulang (residivis) bagi tahun 2007 hingga 2009 adalah seperti berikut:**

- a) Bagi tahun 2007 -23% daripada 81,884 banduan sabitan;**
- b) Bagi tahun 2008 - 17% daripada 75,572 banduan sabitan;**
- dan**
- c) Bagi tahun 2009 - 16.8% daripada 78,360 banduan sabitan.**

**Daripada peratusan yang dinyatakan, didapati pada tahun 2008 dan 2009 kadarnya adalah lebih rendah daripada sasaran NKRA iaitu sebanyak 17%.**

**Kedudukan kadar residivis di Malaysia adalah lebih baik jika dibandingkan dengan negara-negara lain seperti Australia yang mana kadar residivisnya adalah kira-kira 34.1%, Canada 44.0%, United Kingdom 59.0%, New Zealand 42.0% dan USA 46.9%. Peratusan ini adalah perbandingan dengan kadar peratusan Malaysia bagi tahun**

**2008.**

**Jabatan Penjara melalui pelan pemulihan Jabatan Penjara iaitu Pelan Pembangunan Insan sentiasa berusaha meningkatkan latihan dan pemulihan yang diberikan kepada penghuni agar mereka benar- benar insaf, pulih, terlatih, berkemahiran, boleh berdikari dan tidak mengulangi kesalahan. Keberkesanan pemulihan yang diberikan kepada banduan dijangka dapat mengurangkan kadar kemasukan semula banduan yang telah dibebaskan ke penjara.**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN  
DARI P ADA**

**LISAN  
YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD  
GHAZALI [TITIWANGSA]**

**TARIKH**

**KHAMIS, 8 JULAI 2010**

**RUJUKAN  
SOALAN**

**13 [PR-1232-L37999]**

**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ] minta  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN  
BANDAR**

menyatakan mengapa permohonan dan rayuan dari Pengurusan Gudwara Sikh Tatt Khalsa Diwan Selangor di Jalan Raja Alang berhubung dengan gangguan dari gerai-gerai pasar malam dan pasar pagi, kekotoran dan bau busuk dari tong sampah Pasar Chow Kit di sebelah Gudwara dan di kiri pintu masuk Jalan Raja Bot serta halangan dari kenderaan yang diletak di hadapan pintu-pintu masuk Gudwara tidak diambil tindakan sedangkan aduan-aduan telah dibuat sejak tahun 2003 lagi.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, berdasarkan bancian yang telah dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 1 dan 3 Mac 2010, terdapat 53 penjaja statik dan 79 penjaja sayur kampung termasuk mereka yang menjaja di hadapan Kuil Gudwara Sikh Tatt Khalsa Diwan Selangor di Jalan Raja Alang.

Dalam hal ini, DBKL telah pun mengambil tindakan ke atas aduan yang diterima daripada pihak Pengurusan Gudwara Sikh Tatt Khalsa Diwan Selangor di Jalan Raja Alang berhubung kekotoran dan bau busuk tong sampah Pasar Chow Kit dan halangan kenderaan di hadapan pintu- pintu masuk rumah ibadat tersebut.

Tindakan sewajarnya telah diambil dengan **mengarahkan pihak pengurusan pasar untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di pasar Jalan Raja Bot. Kerja-kerja pembersihan bagi kawasan penjaja sayur kampung di Jalan Raja Alang pula dilaksanakan sendiri oleh ahli jawatan kuasa persatuan yang menganjurkan pasar sayur kampung pada jam 10.00 malam setiap hari.**

Di samping itu, DBKL turut mengenakan tindakan kompaun terhadap para penjaja yang beroperasi tanpa lesen di kawasan ini. **Berdasarkan rekod, sebanyak 86 kompaun telah dikeluarkan terhadap penjaja-penjaja tanpa lesen di kawasan ini pada 16 dan 18 Jun 2009.**

Tindakan terhadap kenderaan yang menghalang pintu masuk Gudwara dilakukan secara berterusan oleh Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan DBKL.

Soalan No : 13

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN

(JEMPOL)

TARIKH

08.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' LILAH BIN YASIN [ JEMPOL ] minta Menteri Pelajaran menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan pelajar yang tidak tahu membaca dan menulis di sekolah-sekolah menengah pada tahun 2009; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk membantu pelajar tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

(a) dan (b)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memandang serius sekiranya masih terdapat pelajar-pelajar di sekolah menengah yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis (2M) terutamanya pelajar di menengah atas. Sekiranya masih terdapat pelajar yang didapati gagal menguasai kemahiran tersebut KPM berpandangan kemungkinan besar pelajar tersebut merupakan pelajar berkeperluan khas atau kurang upaya seperti bermasalah penglihatan, bermasalah pendengaran dan bermasalah pembelajaran di peringkat rendah dan menengah. KPM serius dalam usaha membasmi masalah tidak menguasai kemahiran 2M di peringkat sekolah rendah dengan memperkenalkan Program



LINUS (*Literacy and Numeracy Screening Programme*) bermula pada tahun 2010. Pelaksanaan saringan LINUS peringkat pertama dan kedua adalah untuk mengenal pasti murid yang tidak menguasai asas Literasi dan Numerasi. Bagi pelajar-pelajar yang tidak melepasi saringan ini akan mengikuti program LINUS mengikut penguasaan konstruk 1 atau 2 bagi mengatasi masalah tersebut. Sebagai langkah pemulihan, penjaga pelajar yang mempunyai masalah LINUS tegar (tidak menguasai konstruk 1 dan 2) akan disarankan membuat pemeriksaan kesihatan pelajar itu. Pemeriksaan kesihatan itu bagi memastikan sama ada pelajar tersebut tergolong dalam murid berkeperluan khas (pemulihan khas) atau sebaliknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan pelajar-pelajar menguasai kemahiran membaca dan menulis, KPM juga melaksanakan Program Pemulihan 3M Pasca - UPSR (**PROTIM**) bagi murid Tahun 6 yang masih tidak boleh membaca, menulis dan mengira. Program ini akan diadakan selepas Peperiksaan UPSR selama 2 bulan bagi memastikan murid Tahun 6 menguasai kemahiran 3M apabila mereka melangkah ke Tingkatan 1. Sekiranya masih terdapat pelajar yang tidak menguasai kemahiran tersebut di peringkat sekolah menengah, mereka akan diletakkan ke dalam Program Bimbingan Sekolah Menengah 2M atau **PROBIM**.

PROBIM - Penumpuan diberikan kepada murid-murid di semua peringkat persekolahan sekolah menengah dalam menguasai 3M (Membaca, Menulis, Mengira bagi semua peringkat di sekolah menengah yang dilaksanakan mengikut keperluan mu fid). Antara pengisian program yang dilaksanakan termasuklah:

- Memperkaya kosa kata murid-muird
- Penguasaan pembinaan ayat
- Penguasaan asas matematik (campur, tolak, darab dan bahagi)
- Memperkukuhkan asas menulis

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : JAWAB LISAN  
**DARI PAD A** : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN  
[ PASIR PUTEH ]  
**TARIKH** : 8 JULAI 2010 (KHAMIS)

**SOALAN**

Y.B. Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek-projek yang telah diluluskan dan dilaksanakan di bawah Rancangan Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECER) dan sejauh manakah projek-projek ini bakal menjana ekonomi di negeri-negeri pantai timur.

**JAWAPAN:**

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah merancang dan melaksanakan program dan projek pembangunan yang memfokuskan kepada kelompok pelancongan, minyak, gas & petrokimia, pembuatan, pertanian dan pendidikan yang disokongi oleh sektor pengupaya termasuk pengangkutan, infrastruktur dan pembangunan modal insan untuk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), siling pembangunan diluluskan berjumlah RM1.28 bilion untuk 67 program dan projek.

Sehingga 31 Mei 2010, sebanyak 64 projek (95%) telah mula dilaksanakan di pelbagai peringkat, manakala 3 projek lagi akan dilaksanakan sebelum akhir tahun 2010.

Di negeri Kelantan khususnya, projek Agropolitan Kelantan Selatan telah dilaksanakan bertujuan untuk membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan pendapatan serta membuka peluang pekerjaan dan keusahawanan selaras dengan usaha membina masyarakat berdikari. Seramai 3,000 keluarga akan terlibat dengan aktiviti utama iaitu perladangan kelapa sawit, aktiviti sekunder iaitu tanaman koko dan akuaponik dan aktiviti sokongan iaitu pemprosesan hasil koko dan latihan kemahiran diri dan keusahawanan. Fasa 1 telah pun mula dilaksanakan melibatkan pembinaan 350 unit rumah, penambahbaikan loji rawatan air, dan pemulihan dan penanaman semula ladang kelapa sawit. Projek Agropolitan Kelantan Utara juga sudah bermula dengan kerja-kerja ukur tanah dan proses pemilihan peserta.

Selain dari itu, pelaksanaan awal juga telah bermula bagi projek ECER yang meliputi kelompok pertanian antaranya Taman Pengeluaran & Pemprosesan Ayam Berintegrasi Penuh dan Taman Herba di Gua Musang; Taman Perikanan Bersepadu di Tok Bali dan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan & Pembungkusan Produk Berasaskan Ikan di Pengkalan Kubor serta Taman Industri Halal di Pasir Mas.

Bagi tempoh 2007 sehingga 31 Mei 2010, ECER dijangka menerima pelaburan berpotensi dan komited dari dalam dan luar negara berjumlah RM28.32 bilion dalam bidang utama iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan minyak dan gas serta petrokimia.

SOALAN ( 15 )

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8JULAI 2010 (KHAMIS)

DARIPADA Y.B. PUANTANAH ENG (GELANG  
PATAH)

SOALAN

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta MENTERI PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) berapakah jumlah kes yang telah diselesaikan melalui tribunal perumahan; dan
- (b) langkah-langkah pihak Kementerian ke atas pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) pada 1 Disember 2002 sehingga 30 April 2010, sebanyak 26,264 kes tuntutan telah berjaya diselesaikan.
- (b) Bagi pemaju yang melakukan kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118], pemaju boleh dikompaun, didakwa dan disenaraihitamkan bagi menghalang pemaju terlibat dengan pemajuan perumahan baru.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Julai 2010

**Soalan No : 16**

## PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PAD A**

**Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH**

**(SUBANG)**

**TARIKH**

**08.07.2010**

### **SOALAN:**

**Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapa sekolah mubaligh (*mission schools*) di Semenanjung Malaysia tidak dibiayai kos bekalan api mereka oleh Kerajaan.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sedar bahawa pihak sekolah terpaksa menanggung kos pengurusan pendidikan di sekolah yang telah meningkat dari semasa ke semasa terutamanya melibatkan bil-bil utiliti. Pada masa ini, dasar atau pendekatan yang diamalkan bagi menjelaskan bil-bil utiliti bagi semua jenis sekolah adalah seperti berikut:

- i. KPM membuat bayaran terus kepada setiap sekolah melalui bantuan per kapita (PCG) di bawah Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT) di mana peruntukan ini boleh digunakan bagi tujuan bayaran bil utiliti;
- ii. KPM menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) bagi menampung sebahagian bil utiliti tertakiuk kepada peruntukan.

**PEMBERITAHU**  
**AN**  
**PERTANYAAN**  
PERTANYAAN **DEWAN** LISAN  
**RAKYAT**  
DARI PAD A **Y.B.. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI**  
**(SABAK BERNAM)**

TARIKH **08.07.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK BERNAM ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah Kerajaan meningkatkan kemampuan guru-guru dengan ilmu kaunseling sebagai usaha berterusan meletakkan sistem pendidikan negara setara dengan piawaian global dan melahirkan modal insan berminda kelas pertama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil inisiatif untuk meningkatkan kemampuan guru dalam pelbagai ilmu dan pengetahuan termasuk ilmu kaunseling. Langkah tersebut merupakan usaha yang berterusan untuk meletakkan sistem pendidikan negara setara dengan piawaian global dan melahirkan modal insan berminda kelas pertama. Justeru itu, kurikulum latihan perguruan sentiasa memberikan penekanan untuk melahirkan guru yang mempunyai ciri-eiri pembentukan global. Sehubungan itu, KPM telah menawarkan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) beropsyen bimbingan dan kaunseling kepada bakal guru.

**PEMBE**  
**RITAHU**  
**PERTA**  
 DARIPADA **NYAAN** TUN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
**DEMAN** [KUALA LANGAT]  
**RAKYA**  
 PERTANYAAN **T, LISAN**  
**MALAY**  
 TARIKH **SIA** 08.07.2010

SOALAN NO 18

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan Makmal Perasionalan Subsidi yang diwujudkan antara lain akan mengkaji semula bentuk subsidi minyak. Apakah sebelum ini, tiada kajian khusus dibuat sebagai asas menentukan subsidi minyak pada masa hadapan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan paras tanggungan subsidi minyak adalah sehingga 30 sen seliter. Bagi memastikan subsidi minyak diberi mengikut paras yang ditetapkan, Kerajaan telah memantau dari semasa ke semasa perubahan harga pasaran minyak dunia melalui Mekanisma Harga Automatik (*Automatic Pricing Mechanisme*) untuk menentukan sama ada harga minyak di pam perlu dikaji semula. Langkah ini telah pun dilakukan oleh Kerajaan sebelum ini melalui pengumuman kenaikan/penurunan harga minyak di pam.

Selain menggunakan Mekanisma Harga Automatik, faktor kesejahteraan rakyat dan keupayaan ekonomi negara merupakan antara asas pertimbangan Kerajaan dalam menentukan jumlah subsidi minyak. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin, kebajikan rakyat sentiasa diutamakan. Namun pada masa yang sama, Kerajaan perlu mengimbangi kedudukan kewangan negara untuk menampung perbelanjaan besar ke atas subsidi tanpa menjejaskan sumber pendapatan Kerajaan.

**PERTANYAAN** **PEMBE**  
**DARI PAD A** **RITAH**  
**UAN** LISAN  
**PERTA**  
**NYAAN**  
**DEWAN** **TUAN AARON AGO ANAK DAGANG**  
**RAKYA** **[KANOWIT]**  
**I**

**TARIKH JAWAPAN** **8 JULAI 2010 (KHAMIS)**  
**DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN** **NO. 19**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan strategi dan langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau di kalangan jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat perniagaan dan orang awam supaya Kerajaan dapat mencapai target 45% pengurangan pengeluaran karbon (*carbon emissions target*).

**JAWAPAN** Tuan Yang

DiPertua,

Untuk Makluman Ahli yang Berhormat,

Sasaran Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dalam pengurangan pengeluaran karbon adalah melalui penggalakan penggunaan meluas teknologi hijau dan meningkatkan pendidikan dan kesedaran awam terhadap teknologi hijau di kalangan jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat perniagaan dan orang awam.



Strategi dan langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau di kalangan jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat perniagaan dan orang awam meliputi perkara-perkara berikut:-

- i) Memberi insentif seperti pinjaman mudah melalui Skim Pinjaman Teknologi Hijau untuk menggalak pihak swasta dan industri mengaplikasikan teknologi hijau dalam operasi dan organisasi mereka;
- ii) Pelaksanaan perbandaran hijau di Putrajaya dan Cyberjaya;
- iii) Mengkaji dan memperkenalkan Kerangka Perundangan (legislative framework) untuk kecekapan tenaga negara;
- iv) Mengadakan satu kaedah penilaian berkaitan kecekapan tenaga untuk tempoh masa singkat, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang yang meliputi penggunaan tenaga di premis kediaman, premis komersil dan juga industri;
- v) pengurangan penggunaan tenaga dan air dimulakan di bangunan- bangunan kerajaan di Putrajaya melalui sasaran penjimatan sebanyak 10% dalam tenaga di bangunan-bangunan kerajaan di Putrajaya;
- vi) Menggalak dan menyokong projek demonstrasi teknologi hijau yang bersesuaian oleh pihak kerajaan, swasta dan awam. Antaranya, ujian kenderaan elektrik di Putrajaya oleh pihak PROTON dan MODENAS; dan
- vii) Promosi dan kesedaran awam teknologi hijau disasarkan melalui tiga komponen iaitu, promosi melalui *events*, promosi melalui media serta portal dan direktori hijau misalnya penglibatan dalam pameran dan seminar teknologi hijau antarabangsa tahunan, penganjuran Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia 2010

yang akan diadakan daripada 14 - 17 Oktober 2010 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berharap strategi dan langkah-langkah yang telah diambil terutamanya dalam inisiatif penggalakan aplikasi teknologi hijau akan membantu dalam mencapai sasaran 40% pengurangan pengeluaran dalam intensiti karbon.

\*\*\*\*\*

**SOALAN NO**

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABAS  
[TELOK KEMANG]**

**TARIKH : 8 JULAI 2010 (KHAMIS)**

#### **SOALAN**

**Y.B DATO' KAMARUL BAHRIN BIN ABAS** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan infrastruktur memandangkan hasil kajian Program Penilaian Jalan Raya Antarabangsa (iRAP) pada 2007 bahawa tiada mana-mana bahagian daripada 3,700 kilometer Jalan Persekutuan dan Lebuhraya di negara ini mencapai taraf lima bintang.



## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Perintis *International Road Assessment Programme (iRAP)* telah dilaksanakan pada tahun 2008 melibatkan 2,621 kilometer Jalan Persekutuan dan 1,066 kilometer lebuh raya. Hasil kajian ini menunjukkan kebanyakan Jalan Persekutuan dan lebuh raya yang dikaji tidak mencapai tahap lima bintang berdasarkan kriteria yang ditetapkan iRAP. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kriteria yang ditetapkan oleh iRAP merupakan ciri-ciri ideal sesuatu sistem jalan raya dan memerlukan kos yang tinggi untuk dilaksanakan sedangkan sistem jalan raya dan lebuh raya di Malaysia telah mematuhi piawaian reka bentuk antarabangsa seperti *American Association of State Highway and Transportation Officials (AASHTO)* yang digunakan secara meluas.**

**Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa melaksanakan pelbagai langkah proaktif bagi meningkatkan mutu dan kualiti sistem jalan raya dan lebuh raya di Malaysia agar sentiasa dalam kategori selamat. Langkah-langkah yang diambil bukan sahaja kepada jalan-jalan dan lebuh raya sedia ada malah bermula sejak perancangan awal pembinaan jalan-jalan tersebut. Bagi setiap projek jalan baru atau projek menaik taraf jalan sedia ada, Audit Keselamatan Jalan Raya telah dijadikan sebahagian daripada syarat pematuhan kualiti dan keselamatan jalan projek tersebut. Audit ini perlu dilakukan dalam lima peringkat bermula daripada peringkat perancangan, peringkat rekabentuk awalan,**

peringkat rekabentuk terperinci, peringkat pembinaan dan peringkat operasi setelah jalan tersebut dibuka sepenuhnya kepada lalulintas.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sebanyak RM107 juta diperuntukkan untuk program keselamatan jalan sebagai usaha penambahbaikan kepada sistem infrastruktur jalan raya sedia ada dengan cara meningkatkan ciri-ciri keselamatan setiap elemen yang berkaitan dengan jalan, antaranya pembinaan jejantas/pintasan pejalan kaki, memasang penghadang jalan, memasang *crash cushion*, mengecat garisan jalan, membaiki/memasang papan tanda jalan dan penambahbaikan persimpangan jalan. Selain itu, sebanyak RM18.5 juta telah dibelanjakan bagi membina lorong motosikal yang sehingga kini berjumlah 260 kilometer di beberapa lokasi di Jalan Persekutuan. Manakala bagi kawasan yang kerap berlaku kemalangan, program membasmi kawasan kemalangan juga telah dilaksanakan melibatkan kerja-kerja bernilai antara RM20 ribu sehinggalah RM100 ribu di setiap lokasi.

Walaupun pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan lebuhraya kepada lima bintang, usaha ini akan menjadi sia-sia sekiranya sikap pemandu masih kekal di takuk lama. Sehubungan dengan itu, konsep 3E iaitu *Engineering, Education* dan *Enforcement* adalah amat ditekankan dalam mengurangkan kadar kemalangan dan tidak tertumpu kepada aspek kejuruteraan sahaja. Semua pihak harus berganding tangan dan

**mengembeling tenaga dalam merealisasikan matlamat Kerajaan bagi memastikan kadar kemalangan di jalan raya dan lebuhraya dapat dikurangkan.**

**Sekian, terima kasih.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA  
TARIKH  
SOALAN**

**JAWAB LISAN**

**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]**

**8 JULAI (KHAMIS)**

**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan adakah Kerajaan sedar  
bahawa pengusaha buah naga menghadapi  
masalah serangan penyakit merebak seperti  
penyakit antraknos yang telah memusnahkan  
seluruh tanaman di ladang. Bagaimana  
Kerajaan akan membantu petani- petani ini  
untuk mengurangkan kerugian yang  
dihadapi.**

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedia maklum  
bahawa pembangunan industri buah mata naga pada masa ini  
semakin berkurangan disebabkan serangan penyakit kulat  
antraknos.**

**Bagi menangani isu serangan penyakit buah naga ini,  
Kementerian melalui Jabatan Pertanian memberikan bantuan**

**khidmat**







## PEMBERITAHU PERTANYAAN

menyatakan sama ada **DANAJAMIN NASIONAL BERHAD** terpesong daripada objektif asalnya sebagai perintis **Financial Guarantee Insurer (FX3I)** di bawah Pakej Rangsangan Kedua (RM60 bilion) setelah ia mengeluarkan jaminan ke atas Kencana Petroleum Berhad sebagai pengendali rancangan Sukuk Mudharabah bernilai RM250 juta meskipun syarikat tersebut dipercayai telah layak ke tahap AA3 dari segi *stand-alone rating*. Bukankah FGI bertujuan membantu syarikat-syarikat yang kurang berupaya dalam menarik dana.

### JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Danajamin Nasional Bhd (Danajamin) yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan dan Bank Negara Malaysia (50:50) berperanan memastikan syarikat-syarikat yang berdaya maju untuk terus mendapat akses kepada dana pembiayaan daripada pasaran bon Malaysia.

2. Operasi Danajamin adalah berlandaskan prinsip telus (*transparency*) dan amalan terbaik antarabangsa (*international best practice*). Penubuhan Danajamin bukan hanya untuk membantu syarikat-syarikat yang kurang berupaya menarik dana sahaja, malah semua syarikat yang diperbadankan di Malaysia boleh memohon kepada Danajamin untuk mendapat jaminan bon. Namun, hanya mereka yang berdaya maju dan memenuhi syarat-syarat dan polisi kredit yang telah ditetapkan oleh Danajamin akan diberi jaminan bon daripada Danajamin.

3. Pada masa ini, Kencana Petroleum Bhd (Kencana) berada pada taraf kredit AA3 (lebih rendah daripada AAA) menyebabkannya kurang berupaya mendapat dana daripada pasaran bon pada kos yang lebih rendah. Oleh itu, Kencana sebagai sebuah syarikat yang berdaya maju adalah layak diberikan jaminan bon oleh Danajamin. Bon yang akan diterbitkan oleh Kencana akan dinaikkan taraf ke AAA dan inimebolehkan bonditerbitkandengan kos yang lebih berpatutan.

NO. SOALAN : 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA DATO' HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN  
[PASIR SALAK]  
TARIKH 8 JULAI 2010

SOALAN Dato' Haji Tajuddin Bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta PERDANA MENTERI menyatakan kejayaan dan kegagalan dalam usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan hubungan kaum yang lebih baik di antara rakyat berbagai kaum dalam negara ini bagi mencapai matlamat perpaduan kebangsaan yang lebih utuh dan rakyat Malaysia yang lebih bersatu padu.

JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon )

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan kebanyakan negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian budaya, agama dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman dan agama yang berpotensi untuk menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani dengan baikny.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53 tahun, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sengketa yang timbul. Penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Pelembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang.

Sememangnya, pelaksanaan dasar-dasar dan program-program pembangunan negara pada amnya telah mencapai kejayaan untuk membawa hasil-hasil kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial yang dapat dinikmati oleh semua rakyat, serta mengekalkan keharmonian, kestabilan dan keamanan. Walaubagaimanapun, masih terdapat cabaran-cabaran dan kekurangan yang perlu ditangani dan diatasi dalam beberapa bidang.

Dalam bidang ekonomi, pelaksanaan dasar-dasar khasnya sejak 1970, telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan tegar ke satu paras yang agak rendah dan menstrukturkan semula masyarakat. Akan tetapi, golongan berpendapatan rendah 40% ke bawah masih

perlu dibela dan dibantu supaya jurang pendapatan antara rakyat tidak membesar dan dapat dikurangkan. Penyertaan Bumiputera telah meningkat khasnya dalam pelbagai bidang profesyen, tetapi pembangunan keusahawanan masih memerlukan perhatian yang lebih berfokus dan pendekatan yang lebih berkesan.

Disamping itu, masih terdapat perasaan dipinggirkan (deprivation) antara kaum dan golongan sosial yang masih perlu ditangani

Sememangnya peluang pendidikan telah banyak meningkat khasnya bagi pengajian tinggi. Akan tetapi persaingan masih hebat khasnya bagi biasiswa, yang kadang kala menjadi isu politik. Sistem persekolahan yang berbilang aliran bahasa pengantar khasnya di peringkat rendah membolehkan rakyat kita mempunyai kemahiran dalam pelbagai bahasa. Kepelbagaian bahasa dan budaya ini menjadi kelebihan dalam usaha kita untuk menerokai pasaran-pasaran besar di negara-negara Islam, China, India mahupun Barat. Akan tetapi, dalam konteks ini, adalah perlu untuk terus menggalakkan interaksi dan memupuk perpaduan antara remaja di peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi, termasuk melalui program-program seperti Rancangan Integrasi Murid-murid untuk Perpaduan (RIMUP), rancangan pembangunan belia dan sukan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan sebagainya. Usaha menambahbaikkan program-program ini sedang dan hendaklah terus dipertingkatkan dan ditambahbaikkan.

Disamping itu, usaha juga perlu ditingkatkan untuk menggalakan interaksi dan kerjasama antara kaum di tempat kerja, di tempat kediaman, di tempat riadah dan rekreasi, melalui kesatuan pekerja, persatuan penduduk, Rukun Tetanga, JKKK, RELA, pertubuhan bukan kerajaan dan badan sukarela.

Sememangnya, Malaysia amat bertuah kerana hampir semua rakyat adalah terdiri dari penganut agama-agama utama sedunia (Worlds Great Religions). Akan tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa perselisihan faham kadang kala berlaku, misalnya akibat dari pertukaran agama berkaitan dengan perkahwinan atau penceraian, pembinaan atau penempatan semua rumah-rumah ibadat, penggunaan istilah-istilah tertentu dan sebagainya. Isu-isu ini perlu diurus dengan baik, dengan sikap bertimbang-rasa dan bertolak-ansur.

Sebagai kesimpulan, walaupun kepelbagaian bangsa, budaya dan bahasa menjadi masyarakat Malaysia begitu kaya beraneka-ragam, tetapi perhubungan antara kaum dan kumpulan perlu diurus dan ditangani dengan baiknya, dengan sikap penerimaan dan saling menghormati seperti yang sering ditegaskan oleh Y.A.B Perdana Menteri kita. Memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (unity in diversity) memerlukan penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya pemimpin- pemimpin politik dan sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**                    **LISAN**  
**DARIPADA**                    **Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
    **(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH**                    **:**                    **08.07.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) berapakah kekosongan guru-guru di sekolah rendah dan sekolah menengah hingga Januari 2009; dan
- (b) kenapakah lulusan Institut Perguruan Sultan Idris tidak diserapkan terus untuk ke perkhidmatan jika ada kekosongan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kekurangan guru di sekolah rendah dan menengah sehingga 31 Januari 2009 adalah seperti berikut; Bagi sekolah rendah terdapat kekurangan guru sebanyak 6,033 orang, manakala di sekolah menengah pula adalah 14,003 orang. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan waran perjawatan kepada Guru Sandaran Tidak terlatih (GSTT) pada 30 April 2009. Sebanyak 4,042 waran perjawatan telah diperuntukkan kepada sekolah rendah dan 11,834 waran bagi sekolah menengah.

- (b) Setiap graduan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) perlu mengemukakan permohonan secara online melalui aplikasi e-GST di laman web KPM terlebih dahulu. Graduan-graduan tersebut perlu menduduki Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan Sesi temu duga oleh panel yang dilantik oleh KPM. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan guru- guru yang bakal dilantik benar-benar berkualiti seterusnya dapat membantu mencapai aspirasi pendidikan negara. Graduan yang lulus temuduga tersebut akan ditempatkan secara serentak berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan di KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan surat maklumat kepada setiap IPTA supaya memaklumkan kepada penuntut- penuntut Ijazah Sarjana Muda Pendidikan tahun akhir supaya membuat permohonan temuduga melalui aplikasi e-GST di laman wab KPM. Kegagalan graduan memohon secara *online* akan menyebabkan berlakunya kelewatan dipanggil temuduga dan seterusnya melewatkan penempatan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH 8 JULAI 2010**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**Datuk Bung Mokhtar Bin Radin [ KINABATANGAN ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) Usaha-usaha Kerajaan secara lebih drastik dalam memastikan pengedaran dadah terutamanya jenis syabu dapat dibenteras dan disifarkan; dan**
- (b) Cadangan atau usaha Kementerian dalam memastikan MyKad warganegara Malaysia mempunyai ciri-ciri keselamatan dan berkualiti tinggi.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan yang mengemukakan pertanyaan.**



**Kebelakangan ini isu berkaitan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah semakin mendapat tumpuan berikutan peningkatan kes-kes tangkapan, rampasan dan penyalahgunaan dadah (termasuk syabu) di Malaysia. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian telah mewujudkan makmal dan 'task force' bagi mengkaji dan mengenalpasti faktor dan kaedah bagi membanteras penyeludupan dan pengedaran dadah.**

**Antara langkah yang diambil oleh kerajaan ialah meningkatkan dan mengetatkan penguatkuasaan di pintu masuk dan keluar negara sama ada melalui jalan darat, udara dan laut seperti berikut:**

- 1. Pemeriksaan dokumentasi yang rapi ke atas pengunjung yang datang dari negara-negara berisiko;**
- 2. Menambah bilangan mesin pengimbas di pintu masuk Negara;**
- 3. Penggunaan anjing pengesan dadah di pintu sempadan Negara;**
- 4. Menambah bilangan CCTV di lapangan terbang bagi tujuan memantau penumpang-penumpang di lapangan terbang; dan**
- 5. Membuat pemeriksaan di laluan hijau (*green lane*).**

**Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan penguatkuasaan untuk mengawal kewujudan makmal haram memproses dadah dan telah bekerjasama dengan Jabatan Kimia dan Jabatan Farmasi dalam mengesan pemasangan prekursor.**

**Usaha-usaha pencegahan lain ialah dengan mempertingkatkan penyebaran**

amaran antidadah dengan memaparkan dan mempamerkannya di laman-laman sesawang syarikat penerbangan serta sekitar lapangan terbang. Kedutaan Malaysia di luar negara juga akan mempertingkatkan penerangan mengenai undang-undang dadah negara kepada pengunjung-pengunjung ke Malaysia semasa pemberian Visa dan ketika *checkin* penerbangan.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedar banyak pihak yang sedang berusaha untuk meniplak bagi membuat MyKad palsu, dengan sebab itu KDN sentiasa membuat penambahbaikan yang berterusan bagi menghalang orang-orang yang tidak bertanggungjawab dalam usaha untuk meniplak dan memalsukan MyKad.

Antara usaha-usaha KDN dalam memastikan MyKad warganegara Malaysia mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi adalah dengan penggunaan teknologi keselamatan terkini yang digunakan diperingkat antarabangsa seperti berikut:

1. Menggunakanturisan Laser pada gambar dan teks MyKad agar cetakan dan gambar tidak mudah di ubahpinda.
2. Menggunakansalutan "*temper evident*" pada Mykad yang menyebabkan sebarang cubaan ubahpinda kad dapat dikesan dan kad tersebut tidak dapat diguna semula.

Cadangan ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke 10.

Manakala usaha-usaha KDN dalam memastikan MyKad berkualiti tinggi

pula adalah seperti berikut:

- 1. Penggunaan MyKad bahan baru 100% *Poly Carbonate* (PC) bermula 13 Mei 2009 yang lebih tahan lasak**
- 2. Memastikan Mykad menepati piawaian kadpintar diperingkat antarabangsa dengan menjalankan ujian-ujian kualiti di SIRIM, Mimos dan lain-lain makmal yang diiktiraf dari masa ke semasa**

Untuk makluman Y.B. Kinabatangan, Mykad adalah merupakan kad pengenalan pintar pelbagaiguna yang pertama di dunia dan telah dikeluarkan oleh kerajaan pada tahun 2000. Selain daripada menjadi kad pengenalan, Mykad juga boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti menjadi dokumen lesen memandu, touch n go dan lain-lain. Mykad juga amat berkesan untuk digunakan dalam institusi perbankan dan projek-projek pemberian subsidi kepada rakyat disebabkan penggunaan biometrik dalam Mykad dapat mengenalpasti ketulenan pemegang kad sebenar.

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat, KDN telah memperkenalkan unit mobile MyKad bagi membolehkan rakyat pedalaman memohon MyKad.

Disamping itu juga, KDN dalam usaha untuk mengeluarkan MyKad dalam tempoh singkat dan dijangka akan dilaksanakan di semua ibu pejabat negeri JPN dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke10.

**PEMBER  
TAHU  
PERTAN  
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
DEBANDAR KUCHING)  
RAKYAT  
PERTANYAAN , LISAN  
MALAYS  
TARIKH 10.08.07.2010  
SOALAN NO 26**

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilakah Empangan Bakun akan mula menampung air dan adakah Kerajaan telah menyelesaikan segala masalah mengenai penempatan semula penduduk yang terpengaruh oleh empangan tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, empangan bagi Projek Hidroelektrik Bakun telah sedia untuk menakung air. Walau bagaimanapun, pihak Sarawak Hidro Sdn Bhd sedang menunggu kelulusan dari Kerajaan Negeri Sarawak sebelum penakungan tersebut dimulakan.

2. Isu mengenai penempatan semula penduduk yang terlibat sedang dan telah diuruskan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh itu, perkara ini telah di anggap selesai.

**SVSESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARL1MEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**Y.B DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH  
PAIRIN KITINGAN**

**DARIPADA**

**(KENINGAU)**

**TARIKH**

**8 JULAI 2010**

**SOALAN**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program untuk membekalkan tenaga elektrik kepada setiap kampung di Sabah dan Sarawak. Jika ya, adakah peruntukan tersebut dipanjangkan ke negeri Sabah dan Sarawak untuk pelaksanaan segera sebelum tahun 2012**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu melalui sambungan talian grid dari**

punca bekalan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri iaitu SESB bagi negeri Sabah dan bagi kawasan pedalaman yang tidak kesampaian disambung menggunakan talian grid akan diberi bekalan elektrik menggunakan kaedah kedua iaitu secara alternatif seperti mikro hidro atau solar hibrid.

**Kerajaan di bawah tempoh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dari tahun 2010 sehingga 2012 telah mensasarkan untuk mencapai liputan 95% bekalan elektrik 24 jam di negeri Sabah dan Sarawak. Bagi mencapai sasaran yang ditetapkan ini 56,700 buah rumah di negeri Sabah dan 77,800 buah rumah di negeri Sarawak perlu diberi bekalan elektrik.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek BELB tahun 2010 di negeri Sabah dan Sarawak telah pun dimulakan Kementerian mengunjurkan sejumlah 25,631 buah rumah iaitu 13,104 buah rumah di negeri Sabah dan 12,257 buah rumah di negeri Sarawak akan mendapat bekalan elektrik 24 jam sebelum berakhir tahun 2010. Perancangan pelaksanaan projek BELB bagi tahun 2011 bagi negeri Sabah dan Sarawak juga telah dimulakan dan Kementerian menjangkakan bahawa kerja-kerja pembinaan projek akan dapat dimulakan pada bulan Oktober 2010.**

**Berhubung dengan pertanyaan YB sama ada peruntukan di atas akan dipanjangkan ke negeri Sabah dan Sarawak, dimaklumkan bahawa semua projek yang telah di senarai pendek untuk mencapai**

sasaran NKRA akan dilaksanakan oleh kontraktor tempatan dan tawaran serta pembayaran akan dikawal sepenuhnya oleh Kementerian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]**

**TARIKH 8 JULAI 2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan hari Vasakhi yang disambut oleh masyarakat Sikh sebagai cuti umum.**

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di Pertua,**

**Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menjadikan Hari Vasakhi sebagai tambahan kepada hari kelepasan am Persekutuan yang sedia ada. Sekian. Terima kasih.**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**TARIKH**                      **8 JULAI 2010**

**SOALAN**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) langkah untuk mengatasi kesukaran menghantar kakitangan awam ke tempat yang terpencil yang tidak mempunyai tempat tinggal dan kemudahan asas yang lain; dan**
- (b) sekiranya dana menjadi puncanya mengapa GLC tidak digalakkan untuk membangunkan kemudahan tersebut dan disewakan kepada pihak Kerajaan.**





**JAWAPAN**

**YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa prihatin dan memberi perhatian yang serius bagi menyediakan tempat tinggal kepada penjawat awam yang dihantar bertugas di kawasan terpencil di Sabah. Kerajaan melalui kementerian berkenaan seperti Kementerian Pelajaran serta Kementerian Kesihatan telah dan akan berusaha menyediakan kemudahan tempat tinggal bagi pegawai masing-masing. Selain itu, agensi pusat seperti Jabatan Pembangunan Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sentiasa berusaha menyediakan kemudahan asas di kawasan tersebut.

Dalam keadaan Kerajaan tidak dapat menyediakan tempat tinggal dan kemudahan asas, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bayaran sebagai insentif di atas kesukaran hidup serta galakan untuk bertugas di kawasan terpencil. Bayaran insentif yang disediakan adalah seperti berikut:

- i) **Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan** atas kadar RM500.00 atau RM1,000.00 atau RM1,500.00 sebulan mengikut kawasan. Elaun ini diberi kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia;

- ii) **Elaun Balik Kampung (Elaun Perjalanan Kenderaan atau kemudahan tambang pengangkutan awam) bagi pegawai, suami/isteri dan anak-anak sekali setahun. Elaun ini diberi kepada pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia;**
  
- iii) **Bayaran Insentif Pedalaman atas kadar 10% daripada gaji pokok; dan**
  
- iv) **pembayaran Imbuhan Tetap Perumahan kepada pegawai yang disediakan kemudahan perumahan tetapi rumah tersebut adalah rumah *substandard*.**

**Keputusan untuk syarikat GLC terlibat dalam pembinaan kemudahan awam seperti tempat tinggal kakitangan awam dan sebagainya**

**NO. SOALAN: 29 terletak**

**pada budi bicara Lembaga Pengarah syarikat masing-masing. Pendekatan ini adalah selaras dengan amalan terbaik urus tadbir korporat. Berdasarkan pendekatan ini juga, syarikat GLC dikehendaki untuk mengimbangi tuntutan perniagaan dan juga tuntutan sosial.**

**Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, syarikat GLC tidak mampu untuk mempertimbangkan setiap permohonan bagi sumbangan sosial yang diterima memandangkan syarikat-syarikat ini bukanlah sebuah pertubuhan amal. Sering kali juga, isu yang dihadapi oleh syarikat-syarikat ini bukan berpunca daripada kekurangan dana atau peruntukan tetapi memandangkan penunaian tanggungjawab sosial korporat memerlukan syarikat GLC untuk meluangkan masa dan tenaga yang secukupnya bagi memastikan objektif inisiatif-inisiatif sosial ini tercapai, ia akan mengalihkan tumpuan syarikat GLC daripada tuntutan perniagaan yang menjadi teras urusannya.**

**Sekian. Terima kasih.**

**NO. AUM : 14 NO. AUP :**

**S°**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM**  
**[ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH 8 JULAI 2010**  
**RUJUKAN 2800**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan pertubuhan atau persatuan yang bersifat perkauman yang telah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan, serta apakah mekanisme yang diguna pakai bagi meluluskan pertubuhan seumpama ini.**  
**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia akan menimbang permohonan sesuatu pertubuhan berdasarkan**

kepada Akta Pertubuhan 1966. Perkara-perkara yang diambil kira oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia dalam menimbangkan sesuatu permohonan pertubuhan atau persatuan adalah dari segi nama, tujuan atau objektif, Ahli Jawatankuasa (AJK) dan Undang-Undang Pertubuhan yang sedia ada agar ianya selari dengan penubuhan pertubuhan berkenaan dan tidak melanggar Akta Pertubuhan 1966.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan bilangan pertubuhan yang diluluskan yang bersifat perkauman, adalah dimaklumkan bahawa Pendaftar Pertubuhan Malaysia hanya akan mendaftarkan pertubuhan atau persatuan berdasarkan kepada 13 kategori yang ditetapkan iaitu:

- Ugama;
- Kebajikan masyarakat;
- Sosial dan rekreasi;
- Wanita;
- Kebudayaan;
- Faedah bersama;
- Perdagangan;
- Sukan;
- Belia;
- Pendidikan;
- Politik;
- Pekerjaan; dan
- Am.

Namun begitu, terdapat sesetengah pertubuhan yang didaftarkan dianggotai sepenuhnya oleh satu-satu kaum atau satu kepercayaan agama. Berdasarkan kepada rekod Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, terdapat 19,307 atau 16.73% dari 115,361 buah pertubuhan yang telah diluluskan yang mempunyai

**ciri-ciri, sama ada satu kaum atau satu kepercayaan keagamaan.**

SOALAN NO.^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB  
LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE  
(MAS GADING)

TARIKH 8 JULAI 2010 (KHAMIS)

SOALAN

YB Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe (Mas Gading) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membela nasib kaum wanita amnya dan wanita di kawasan Mas Gading khasnya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan dan kebajikan golongan wanita kerana wanita memainkan peranan penting dalam pengukuhan institusi kekeluargaan dan pembentukan masyarakat yang sejahtera serta penyumbang kepada pembangunan negara. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku Kementerian yang bertanggungjawab untuk membela nasib kaum wanita di negara ini termasuk di kawasan Mas Gading melaksanakan langkah-langkah yang membolehkan wanita mencapai potensi dan pengupayaan dalam semua aspek kehidupan. Antaranya menyediakan:

- a) rangka kerja perundangan (*legal framework*), peraturan dan dasar yang tidak mendiskriminasikan wanita;
- b) bantuan kebajikan;
- c) program pembangunan kapasiti dan peningkatan

sosio-ekonomi wanita; dan

d) Perkhidmatan sokongan untuk kesejahteraan emosi ibu tunggal.

**Penyediaan rangka kerja perundangan (*legal framework*), peraturan dan dasar yang tidak mendiskriminasikan wanita**

Usaha utama Kerajaan dalam sistem perundangan ialah meminda Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 2001 dengan memasukkan perkataan “gender” bagi memastikan tiada sebarang bentuk diskriminasi berasaskan gender. Susulan pindaan Perkara 8(2) ini, beberapa akta lain telah dipinda iaitu Akta Pencen 1980, Akta Tanah (Kawasan Penempatan) 1960, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Kanun Keseksaan.

Pada masa ini, Kerajaan sedang dalam tindakan untuk mengkaji undang-undang berikut:

Akta Kerja 1955 bagi memasukkan peruntukan mengenai langkah dan prosedur menangani gangguan seksual di tempat kerja; dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 bagi memperuntukkan antara lain, perluasan takrifan keganasan rumah tangga yang meliputi aspek emosi, mental dan psikologi serta bagi memudahkan proses permohonan Perintah Perlindungan Sementara atau, dengan izin, *‘Interim Protection Order (IPO)’*.

Selain itu, Dasar Wanita Negara yang diluluskan oleh Kerajaan pada Julai 2009 memberi **penekanan kepada prinsip tiada diskriminasi, keperluan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan wanita mencapai potensi secara optimum, dan penekanan kepada**

pembudayaan kesaksamaan gender. Pelaksanaan Dasar ini dapat memacu usaha Kerajaan untuk memajukan wanita dan mencapai kesaksamaan gender selaras



dengan komitmen Kerajaan terhadap instrumen antarabangsa seperti Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing serta Deklarasi Putrajaya.

Penyediaan bantuan kebajikan

Wanita dari golongan tidak berkemampuan dibantu melalui penyediaan bantuan kebajikan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti berikut:

- i. Bantuan Am (BA) pada kadar antara Ringgit Malaysia: Lapan Puluh (RM80) seorang hingga maksimum Ringgit Malaysia: Tiga Ratus Lima Puluh (RM350) sebulan untuk satu keluarga;
- ii. Bantuan Kanak-kanak (BKK) untuk membantu menampung perbelanjaan persekolahan anak-anak dari keluarga miskin. Bantuan yang diberikan adalah pada kadar Ringgit Malaysia: Satu Ratus Lima Puluh (RM150) untuk setiap kanak-kanak sehingga maksimum Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lima Puluh (RM450) untuk setiap keluarga; dan
- iii. Geran Pelancaran bagi membantu penerima bantuanyang berminat bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Parlimen Mas Gading, sebanyak tiga ratus lapan (308) orang ibu tunggal telah diberikan bantuan kebajikan di mana tujuh puluh dua (72) orang ibu tunggal menerima Bantuan Kanak-kanak berjumlah Ringgit Malaysia : Enam Belas Ribu (RM16,000.00)

dan dua ratus tiga puluh enam (236) orang penerima Bantuan Am dengan jumlah bantuan sebanyak Ringgit Malaysia : Dua Puluh Lapan Ribu Lima Ratus Lima (RM28,505.00) pada tahun 2009.

**Penyediaan program pembangunan kapasiti dan peningkatan sosio- ekonomi**

## **wanita**

Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan program-program peningkatan kapasiti dan peningkatan sosio-ekonomi untuk membantu golongan wanita mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan dan berdikari secara ekonomi.

JPW menjalankan program kemahiran dan keusahawanan untuk ibu tunggal dan wanita di peringkat negeri iaitu program 'Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal' (I-KIT) dan 'Inkubator Keusahawanan Wanita' (1-KeuNita). Sepanjang tahun 2008 dan 2009, seramai tujuh ratus tiga puluh lapan (738) orang ibu tunggal telah dilatih menerusi program I-KIT di mana satu ratus tiga puluh dua (132) orang telah berjaya menjadi usahawan. Program I-KeuNita pula akan mula dijalankan pada bulan ini bagi melatih sekurang-kurangnya empat ratus lima puluh (450) orang wanita pada tahun 2010.

Selain itu, di peringkat kawasan Parlimen pula, JPW melaksanakan program kemahiran 'Jejari Bestari' dan 'Kraf Kreatif untuk golongan wanita mempertingkatkan kemahiran dalam bidang jahitan, kraftangan dan gubahan. Pada tahun 2009, seramai sembilan ribu lima ratus enam puluh lima (9,565) orang wanita telah menyertai program Jejari Bestari dan sembilan ribu lima ratus sembilan belas (9,519) orang menyertai program Kraf Kreatif yang dijalankan di setiap kawasan Parlimen. Bagi Kawasan Parlimen Mas Gading, seramai tujuh puluh (70) orang peserta telah mengikuti program-program

kemahiran tersebut, iaitu empat puluh (40) orang peserta program 'Jejari Bestari' dan tiga puluh (30) orang lagi mengikuti program 'Kraf Kreatif yang dijalankan.

Selain program-program yang dinyatakan itu, JPW juga melaksanakan program-program pembangunan wanita menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri di seluruh negara dalam bidang seperti literasi undang-undang, program

kesedaran mengenai isu keganasan terhadap wanita, pembangunan kapasiti, kesihatan dan teknologi maklumat.

**d) Perkhidmatan sokongan untuk kesejahteraan emosi ibu tunggal**

JPW juga menyediakan perkhidmatan kaunseling dan para kaunseling untuk wanita menerusi Pejabat-pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh negara. Sepanjang tahun 2009, seramai satu ribu enam ratus tiga puluh tiga (1,633) orang wanita telah mendapatkan perkhidmatan bimbingan kaunseling yang disediakan.

Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu memulihkan dan mempertingkatkan keyakinan wanita tersebut agar mereka lebih bermotivasi untuk merencana masa depan mereka dan anak-anak. Selain itu, pegawai yang bertanggungjawab juga akan membantu menyalurkan permohonan bantuan wanita ini ke agensi-agensi yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai kesimpulannya, Kerajaan melalui KPWKM amat komited untuk memastikan wanita mendapat pembelaan sewajarnya dan tidak didiskriminasikan dalam semua aspek kehidupan tanpa mengira batasan geografi. Walau bagaimanapun, memandangkan isu-isu berkaitan wanita merupakan isu yang merentas pelbagai sektor, kerjasama semua pihak adalah penting untuk bersama-sama menggembeng tenaga dalam memelihara kepentingan dan kesejahteraan wanita, terutama dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tentang hak-hak wanita secara holistik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B. TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR  
[JERAI]**

**TARIKH 8 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR [ JERAI ] minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah peruntukan  
Kementerian bagi menyelenggara setiap kilometer Jalan  
Persekutuan pada tahun 2009 dan 2010 bermula dari Perak  
hingga ke Perlis seperti yang dipertanggungjawabkan kepada  
Belati Wangsa Sdn. Bhd.**



**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melantik syarikat Belati Wangsa (M) Sdn. Bhd. untuk tempoh kontrak selama 15 tahun (2001 hingga 2016) bagi menyelenggara Jalan- Jalan Persekutuan di Negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Berdasarkan kadar harga semasa Perjanjian Konsesi, jumlah peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja rutin penyelenggaraan jalan di negeri-negeri tersebut telah ditetapkan sebanyak RM 1,550 untuk setiap kilometer sebulan. Kerja-kerja rutin ini melibatkan skop pemotongan rumput dan mencuci longkang, menampal jalan, kerja- kerja menaik taraf bahu jalan serta pembersihan perabot jalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM52.08 juta pada tahun 2010 bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan-Jalan Persekutuan di negeri-negeri tersebut berbanding peruntukan RM49.02 juta pada tahun 2009.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
[ PARIT ]  
TARIKH 8 JULAI 2010  
SOALAN**

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah langkah yang telah diambil Kerajaan bagi mengatasi masalah siswazah perubatan dari IPTA tempatan yang menerima tawaran berkhidmat di Hospital Singapura dan negara lain selepas menamatkan pengajian mereka.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tindakan siswazah perubatan dari IPTA tempatan yang menerima tawaran berkhidmat di Hospital Singapura dan negara lain selepas menamatkan pengajian mereka adalah merupakan pilihan kecil sebilangan individu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan menangani masalah kekurangan Pegawai Perubatan terutamanya dengan meningkatkan kapasiti pengeluaran graduan dalam bidang perubatan. Hal ini telah menunjukkan perkembangan positif di mana terdapat peningkatan

ketara bilangan graduan perubatan yang dihasilkan oleh IPTA, IPTS dan IPT daripada luar negara. Sebagai contoh, dalam tahun 2006, jumlah graduan perubatan yang berkhidmat dengan KKM adalah seramai 1,124 orang dan jumlah ini telah meningkat kepada 3, 072 orang dalam tahun 2009. Jumlah pengeluaran graduan perubatan dijangka akan meningkat kepada 3,795 orang dalam tahun 2010.

Di samping itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik dan mengekal Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di KKM. Antaranya ialah dengan mengadakan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik melalui pelaksanaan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 9 Mac 2010.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah menambahbaik insentif dan elaun yang diterima oleh Pegawai Perubatan di KKM seperti peningkatan kadar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal daripada RM 500 kepada RM 750 mulai 1 Januari 2008 dan Bayaran Insentif Pakar di antara RM1,600 sehingga RM 3,100 (mengikut gred) bermula pada 1 Januari 2009. Di samping itu, Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar yang melaksanakan Prosedur/Pembedahan Elektif pada hari Sabtu akan dibayar RM200 sejam bagi Pegawai Perubatan Pakar dan RM 80 sejam Pegawai Perubatan.



**NO. AUM : 17**

**NO. AUP : ?>f**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**

**DARIPADA**                      **TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [**  
**LISAN KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH**                              **8 JULAI 2010**

**RUJUKAN**                      **2801**

**SOALAN:**

**Tuan Salahuddin Bln Haji Ayub [ Kubang Kerian ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah tindakan polis terhadap  
aduan Norizan Salleh yang mengadu ditembak lima kali di bahagian  
dada dan tangannya oleh anggota polis di sebuah lebuh raya ketika  
dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Segambut.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian yang mengemukakan soalan.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, siasatan ke atas kes tersebut telah dibuat di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dan kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwaraya Kuala Lumpur. Setelah meneliti keterangan kes, Ketua Unit Pendakwaan mendapati pihak polis mempunyai justifikasi untuk melepaskan tembakan dan memutuskan tiada pertuduhan terhadap mana-mana anggota polis.**

**PERTANYAAN** **PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DARIPADA** **DAGU JAWAPAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**DARIPADA :** DatukHaji Mohamed Bin Haji Aziz

[ Sri Gading ]

**TARIKH** 8 Julai 2010 (Khamis)

**SOALAN** 35

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [ Sri Gading ] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah peratusan usahawan Bumiputera yang menjalankan perniagaan di setiap lapangan terbang dan apakah syarat yang ditetapkan oleh Malaysia Airport Berhad (MAB) untuk menjalankan perniagaan di setiap lapangan terbang.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Yang Berhormat daripada Sri Gading, peratusan usahawan bumiputera yang menjalankan perniagaan di setiap lapangan-lapangan terbang seluruh negara adalah seperti berikut:

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur	66%
Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu	37%
Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching	31%
Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	58%
Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai	55%
Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi	80%
Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu	71%
Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang	50%
Lapangan Terbang Sultan Abdul Hamid, Alor Setar	100%

Lapangan Terbang Melaka	100%
Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu	83%
Lapangan Terbang Ahmad Shah, Kuantan	50%
Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh	0%
Lapangan Terbang Tawau	43%
Lapangan Terbang Sandakan	0%
Lapangan Terbang Labuan	50%
Lapangan Terbang Miri	30%
Lapangan Terbang Bintulu	0%
Lapangan Terbang Sibul	50%
<b>Purata</b>	<b>50.2%</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, syarat-syarat yang ditetapkan oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk menjalankan perniagaan di lapangan terbang adalah keperluan memenuhi penilaian teknikal, kewangan dan komersil.

Sekian, terima kasih.

**NO.AUM : 26**

**NO. AUP :**

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

DARIPADA                      TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]  
TARIKH                         8 JULAI 2010  
RUJUKAN                        2803

**SOALAN:**

Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah cadangan menganjur perhimpunan 'Melayu Bangkit' sempena ulang tahun peristiwa berdarah 13 Mei 1969 oleh Gerakan Kebangkitan Rakyat bersama Institut Integriti Terengganu satu cadangan yang bersifat hasutan dan adakah siasatan polis telah dibuat terhadap mereka. Sekiranya tiada, mengapa.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Segambut yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Gerakan Kebangkitan Rakyat (GERTAK) adalah sebuah pertubuhan atau kumpulan tidak berdaftar terdiri daripada gabungan 24 buah NGO seluruh Negeri Terengganu. Kumpulan ini diwujudkan pada 3 Januari 2010 khusus untuk menangani dan membantah isu penggunaan Kalimah Allah oleh akhbar *The Herald* - "*Katholic Weekly*".

**GERTAK dan Institut Integriti Malaysia (IIM) Negeri Terengganu sebelum ini merancang mengadakan program bertajuk 'Melayu Bangkit' pada 13 Mei 2010, bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu. Bekas Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir bin Mohamed telah dijemput untuk menyampaikan ucaptama di samping membincangkan beberapa isu termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020 dan perancangan ke arah penyatuan orang Melayu. Mengikut kumpulan ini, tarikh 13 Mei 2010 dipilih adalah bertujuan mengenang kembali peristiwa yang berlaku pada tarikh tersebut agar peristiwa seperti itu tidak berulang kembali kerana ia telah menjejaskan keharmonian dan ketenteraman rakyat negara ini yang pernah hidup aman dan damai. Walau bagaimanapun, program berkenaan telah dibatalkan ekoran desakan dan bantahan dari pelbagai pihak yang keliru dengan pemilihan tarikh tersebut.**

**Program berkenaan telah mendapat bantahan dan menerima maklumbalas negatif dari sesetengah pihak. Bagaimanapun, hanya satu (1) penyerahan memorandum dan dua (2) laporan polis telah dibuat dalam melahirkan bantahan tersebut. Bagi setiap laporan polis yang dibuat telah diberi perhatian dan siasatan dijalankan sebelum tindakan lanjut diambil mengikut peruntukan undang-undang bagi mendakwa mereka yang terbabit. Dalam hubungan ini perhimpunan yang dirancang tersebut telah dibatalkan sendiri oleh pihak penganjur. Adalah didapati berkaitan dengan perkara ini tiada sebarang kejadian atau gerakan pada pemerhatian pihak polis boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.**

**Dalam usaha memastikan keharmonian rakyat terpelihara dan keadaan keselamatan negara terjamin, pihak polis akan terus menjalankan**

**pemantauan ke atas setiap aktiviti yang dianjurkan sama ada oleh individu, pertubuhan atau persatuan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan sensitiviti perkauman dan ketegangan kaum.**





PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

	<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>	
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [DUNGUN]</b>		
<b>TARIKH</b>		<b>8 JULAI 2010 (KHAMIS)</b>	
<b>SOALAN</b>		<b>TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-</b> adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan insurans pertanian bagi melindungi petani yang mengalami kerugian kerana hasil pertanian dan penternakan yang musnah akibat sesuatu bencana.	
<b>JAWAPAN</b>	<b>Oleh Y.B.</b>	<b>Menteri Pertanian dan Tani</b>	<b>Industri Asas</b>
		<b>Tuan Yang Dipertua,</b>	

Kerajaan sedang dalam proses mengkaji model yang sesuai bagi mewujudkan Skim Insurans Pertanian untuk melindungi petani, penternak, dan nelayan berskala yang mengalami kerugian akibat bencana alam, serangan penyakit, kebakaran, kemarau dan kecurian.

Pada masa ini, bagi melindungi petani yang mengalami kerugian kerana hasil pertanian dan penternakan yang musnah akibat banjir, Kerajaan memberikan dua bentuk bantuan iaitu, Bantuan Segera dan Wang Ehsan. Bantuan Segera adalah bantuan diberi untuk mengurangkan beban petani dan penternak seperti pemberian dalam bentuk baja, benih tanaman dan lain-lain yang difikirkan perlu. Bantuan Wang Ehsan pula dipohon melalui Majlis Keselamatan Negara di peringkat negeri masing-masing. Taksiran kerugian yang dihadapi oleh petani akan dijalankan oleh Jabatan di peringkat negeri dan nilai bantuan adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara.



Bantuan bencana alam akan hanya dibayar apabila sesuatu bencana itu diisytiharkan sebagai bencana.

Dengan adanya skim insurans pertanian, petani akan dilindungi dari musibah yang menyeluruh iaitu tidak terhad kepada banjir sahaja malahan meliputi semua jenis bencana alam, serangan penyakit, kebakaran dan kecurian. Pampasan yang diberikan juga lebih tinggi kerana pampasan dibayar mengikut nilai harga yang diinsuranskan bagi menampung kos pengeluaran petani dan tiada had maksimum ditetapkan bagi sesuatu tuntutan pampasan. Bayaran pampasan juga dapat dikeluarkan dengan segera kepada petani bagi memulakan semula aktiviti pertanian. Skim insurans juga boleh dibayar selepas sesuatu bencana berlaku tanpa perlu menunggu sebarang pengisytiharan. Dengan wujudnya skim insurans ini, ianya akan mendorong petani untuk bertanggungjawab terhadap komoditi masing-masing dengan menjalankan amalan pertanian yang baik dan mengikut standard yang ditetapkan.

**NO. SOALAN:**

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA,  
PENGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA  
BELAS (2010)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. Dr. Che Rosli Bin Che Mat (Hulu Langat)**

**TARIKH**

**8 Julai 2010 (Khamis)**

**SOALAN:**

**Dr. Che Rosli Bin Che Mat (Hulu Langat) minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha yang dilaksanakan dalam memastikan produk yang berlogo halal benar-benar halal dan berkualiti dari segi Islam.**

**JAWAPAN : (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bahawa produk yang mendapat sijil dan logo halal benar-benar menepati syarak dan berkualiti kepada pengguna, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menetapkan bahawa proses pensijilan mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan di dalam MS1500:2009 dan ISO Guide 65. Selain itu, pemeriksaan/audit mestilah dilakukan oleh dua orang pegawai yang kompeten di dalam bidang pensijilan halal. Mereka mestilah terdiri daripada seorang Pegawai Hal Ehwal Islam yang akan memastikan aspek pematuhan berkaitan syarak dan seorang Pegawai Teknologi Makanan yang akan membuat semakan berkaitan aspek kebersihan, kualiti dan keselamatan makanan. Ia bertujuan bagi memastikan bahawa pemohon yang diberikan sijil dan logo halal ini telah mematuhi sepenuhnya kriteria bagi kedua-dua aspek ini.

Selain itu, JAKIM juga turut melakukan pemantauan terhadap mereka secara berkala atau berdasarkan aduan bagi memastikan bahawa pemegang sijil dan logo halal ini sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 39

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA :**

**YB TUAN KAMALANATHAN A/L**

**PANCHANATHAN (BN) (HULU SELANGOR)**

**TARIKH**

**8 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan (BN) (Hulu Selangor)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tempoh pemprosesan untuk bantuan kebajikan supaya bantuan sewajarnya boleh disampaikan kepada orang yang memerlukannya secepat mungkin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan bantuan dilaksanakan secara cekap, cepat, dan berkesan kepada golongan yang memerlukan. Pada masa ini, tempoh kelulusan permohonan bantuan kebajikan hinggalah kepada pembayaran bantuan kebajikan kepada penerima adalah

selama 8 minggu. Tempoh masa ini akan dipendekkan kepada 1 minggu menjelang tahun 2012.

Sasaran ini merupakan satu daripada Petunjuk Prestasi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dilaksanakan menerusi pendekatan perekayasaan atau, dengan izin, *reengineering* terhadap proses dan prosedur kerja bantuan kewangan di JKM. Setakat ini, proses kerja baru kelulusan permohonan bantuan kebajikan sedang disediakan dan akan dilaksanakan secara projek perintis di enam (6) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terpilih mulai bulan Ogos 2010 sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

### **RAKYAT PERTANYAANLISAN**

### **DARIPADADATO' HAJI WAN ABD RAHIM**

**BIN WAN**

**ABDULLAH**

**[KOTA BHARU]**

**TARIKH**

**8 JULAI2010**

**SOALAN Meminta MENTERI**

**PELANCONGAN menyatakan:**

**Apakah hasil yang diperolehi daripada Promosi Pelancongan di negara-negara Asia Barat baru-baru ini.**

## SOALAN 40

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyertaan Tourism Malaysia dalam pameran kali yang ke-17 *Arabian Travel Market*, dengan izin, dari 4 hingga 7 Mei 2010 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu dan diikuti dengan misi galakan pelancongan ke Kuwait City, Kuwait dan Doha, Qatar dari 8 hingga 12 Mei 2010 telah membuahkan hasil yang menggalakkan seperti berikut:

- i) Malaysia telah menerima publisiti yang meluas media tempatan meialui media cetak, saluran elektronik termasuk temuramah bersama Y.B. Menteri Pelancongan Malaysia oleh 6 stesyen televisyen;



- ii) peningkatan permintaan daripada pelancong Arab di mana syarikat penerbangan asing telah mula mengadakan perkhidmatan mereka ke Kuala Lumpur seperti *Mahan Air* daripada Shiraz, Iran, *Oman Air* dan *Royal Jordanian Airlines*. Manakala *Emirates Airlines* telah menambah jumlah penerbangan sehingga 21 kali seminggu termasuk satu penerbangan sehari untuk sektor Dubai/Kuala Lumpur/Melbourne. Malah, lain-lain pengusaha syarikat penerbangan yang berkenaan, kebanyakannya turut bercadang untuk menambah jumlah penerbangan yang ada pada tahun ini;
- iii) lebih ramai pengusaha pelancongan di Kuwait dan Qatar telah menunjukkan minat yang mendalam untuk menjual Malaysia kepada penduduk tempatan terutama pada percutian musim panas dan penekanan kepada tempat tarikan serta produk terbaru; dan
- iv) telah menghasilkan maklum balas yang positif mengenai kerjasama dua hala yang boleh dimainkan oleh Malaysia dan negara-negara berkenaan di Asia Barat dalam bidang pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pasaran negara Asia Barat merupakan sebuah pasaran yang besar dan berpotensi dalam menyumbang kepada ketibaan pelancong ke Malaysia, ia merupakan sektor pelancongan berdaya maju dan sedang berkembang dengan pesatnya di mana semakin ramai pelancong-pelancong Arab berkunjung ke luar negara termasuklah ke Malaysia. Oleh yang demikian, misi galakan pelancongan ini adalah merupakan cara yang terbaik bagi membuka ruang agar Malaysia terus diletakkan di dalam senarai negara utama yang ingin dikunjungi oleh para pelancong dari Asia Barat.

Pada tahun 2009, jumlah ketibaan pelancong dari pasaran Asia Barat telah mencatat kemasukan seramai 284,890 pelancong dengan kadar peningkatan sebanyak 7.8 peratus dengan pulangan tukaran wang asing sebanyak RM2.04 billion. Berdasarkan

kepada perkembangan positif ini, Kementerian telah menetapkan sasaran untuk mencapai kedatangan seramai 300,000 pelancong negara-negara Asia Barat bagi tahun 2010.

**SOALANN0^4-I**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN  
**DARIPADA** TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN  
[HULU TERENGGANU]  
**TARIKH** 8 JULAI 2010

**SOALAN:**

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) jumlah pengundi dan peratus mengikut kaum; dan
- (b) status kemajuan persempadanan baru Pilihan Raya Umum

**Ke-13**

**Tuan Yang Di Pertua,**

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih terkini

sehingga Suku Tahun Pertama Tahun 2010 mengikut negeri dan kaum adalah sebagaimana di Jadual 1 yang dilampirkan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan terakhir persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi Negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah ialah pada 21 Mac 2003. Ini berdasarkan kepada peruntukan Perkara 113 (10) Perlembagaan Persekutuan iaitu pada tarikh laporan persempadanan diserahkan kepada Perdana Menteri. Mengikut peruntukan Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan SPR boleh mengulangkaji sempadan bahagian-bahagian pilihan raya selepas 8 tahun dari tarikh selesainya proses persempadanan sebelum ini. Berdasarkan kepada peruntukan tersebut, SPR boleh menjalankan semula urusan persempadanan yang baru selepas 21 Mac 2011.

Bagi negeri Sarawak, urusan persempadanan bahagian pilihan raya negeri yang terakhir ialah pada 10 Jun 2005 dan mengikut peruntukan

JAWAPAN:

**Perkara 113 (2) (ii) Perlembagaan Persekutuan, urusan persempadanan semula bagi negeri Sarawak hanya boleh dilakukan selepas 10 Jun 2013 akan datang. Sekian, terima kasih.**

**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**  
**JUMLAH PEMILIH TERKINI MENGIKUT NEGERI DAN KAUM**  
**(SUKU TAHUN PERTAMA BAGI TAHUN 2010)**  
**JADUAL1**

<b>JUMLAH</b>							<b>B/P SAI</b>	<b>BAH</b>	<b>B/P SAR</b>	<b>WVAK</b>		<b>%</b>	<b>LAIN-IJm</b>	
						<b>JUMLAH</b>	<b>Bill</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>H</b>				<b>JUMLAH</b>	<b>%</b>
121,551	102,193	<b>84.07</b>	14,315	<b>11.78</b>	1,957	<b>1.61</b>	118	<b>0.10</b>	211	<b>0.17</b>	11	<b>0.01</b>	2,746	<b>2.26</b>
887,107	671,779	<b>75.73</b>	142,074	<b>16.02</b>	60,272	<b>6.79</b>	467	<b>0.05</b>	637	<b>0.07</b>	105	<b>0.01</b>	11,773	<b>1.33</b>
778,602	733,366	<b>94.19</b>	31,755	<b>4.08</b>	2,810	<b>0.36</b>	356	<b>0.05</b>	539	<b>0.07</b>	3,569	<b>0.46</b>	6,207	<b>0.80</b>
546,638	522,460	<b>95.58</b>	21,066	<b>3.85</b>	1,597	<b>0.29</b>	260	<b>0.05</b>	256	<b>0.05</b>	264	<b>0.05</b>	735	<b>0.13</b>
720,700	243,833	<b>33.83</b>	393,514	<b>54.60</b>	80,022	<b>11.10</b>	439	<b>0.06</b>	355	<b>0.05</b>	19	0.00	2,518	<b>0.35</b>
1,230,090	573,653	<b>46.64</b>	490,962	<b>39.91</b>	144,386	<b>11.74</b>	919	<b>0.07</b>	1,566	<b>0.13</b>	14,980	<b>1.22</b>	3,624	<b>0.29</b>
625,890	430,955	<b>68.85</b>	142,460	<b>22.76</b>	30,779	<b>4.92</b>	568	<b>0.09</b>	981	<b>0.16</b>	18,552	<b>2.96</b>	1,595	<b>0.25</b>
1,636,279	812,849	<b>49.68</b>	566,609	<b>34.63</b>	236,281	<b>14.44</b>	3,289	<b>0.20</b>	2,178	<b>0.13</b>	5,127	<b>0.31</b>	9,946	<b>0.61</b>
693,618	232,437	<b>33.51</b>	379,515	<b>54.72</b>	72,148	<b>10.40</b>	1,942	<b>0.28</b>	2,081	<b>0.30</b>	114	<b>0.02</b>	5,381	<b>0.78</b>
7,481	6,998	<b>93.54</b>	102	<b>1.36</b>	294	<b>3.93</b>	36	<b>0.48</b>	22	<b>0.29</b>	3	<b>0.04</b>	26	<b>0.35</b>
472,341	241,621	<b>51.15</b>	153,598	<b>32.52</b>	70,288	<b>14.88</b>	779	<b>0.16</b>	1,291	<b>0.27</b>	3,049	<b>0.65</b>	1,715	<b>0.36</b>
379,463	215,423	<b>56.77</b>	134,900	<b>35.55</b>	24,262	<b>6.39</b>	870	<b>0.23</b>	1,215	<b>0.32</b>	510	<b>0.13</b>	2,283	<b>0.60</b>
1,357,337	713,057	<b>52.53</b>	544,210	<b>40.09</b>	89,784	<b>6.61</b>	2,255	<b>0.17</b>	2,490	<b>0.18</b>	2,341	<b>0.17</b>	3,200	<b>0.24</b>
20,953	7,367	<b>35.16</b>	5,250	<b>25.06</b>	365	<b>1.74</b>	7,016	<b>33.48</b>	364	<b>1.74</b>	1	0.00	590	<b>2.82</b>
822,381	117,120	<b>14.24</b>	152,610	<b>18.56</b>	3,003	<b>0.37</b>	505,561	<b>61.48</b>	5,051	<b>0.61</b>	66	<b>0.01</b>	38,970	<b>4.74</b>
947,094	180,054	<b>19.01</b>	318,954	<b>33.68</b>	1,727	<b>0.18</b>	3,764	<b>0.40</b>	440,872	<b>46.55</b>	426	<b>0.04</b>	1,297	<b>0.14</b>
11,247,525	5,805,165	<b>51.61</b>	3,491,894	<b>31.05</b>	819,975	<b>7.29</b>	528,639	<b>4.70</b>	460,109	<b>4.09</b>	49,137	<b>0.44</b>	92,606	<b>0.82</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN DARIPADA	LISAN Tuan Kulasegaran [ Ipoh Barat ]	A/L	Murugeson
TARIKH SOALAN	8 JULAI 2010 Tuan Kulasegaran	A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]	

minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) jumlah pengambilan pekerja/pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan awam mengikut kaum sejak tahun 2005; dan
- (b) apakah usaha yang diambil untuk meningkatkan jumlah pegawai bukan Melayu dalam perkhidmatan awam.

JAWAPAN: (YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon )

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu daripada pihak Berkuasa Melantik untuk memasuki perkhidmatan awam. Selain daripada SPA, terdapat pihak berkuasa melantik yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan pelantikan pegawainya di agensi masing-masing.

SPA telah mengambil beberapa langkah yang positif untuk menggalakkan dan menarik lebih ramai pemohon kaum Cina dan India untuk jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam, seperti menyediakan soalan lazim atau *Frequently Asked Questions* (FAQ) dalam Bahasa Cina dan Tamil dalam portal SPA, menyiarkan *crawlers* mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik, seperti di televisyen semasa Berita Mandarin dan Berita Tamil serta radio AiFM dan Minnal fm (RTM), mengadakan promosi kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik, taklimat kerjaya untuk guru-guru kerjaya; dan mengedar risalah melalui kerjasama ketua-ketua masyarakat Cina dan India.

Selain itu, SPA juga turut serta dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerjaya anjuran agensi lain dengan mengadakan taklimat dan promosi kerjaya di lokasi-lokasi tertentu, misalnya sempena Majlis Pelancaran Pusat Jobs Malaysia di Cyberjaya dan sempena pelancaran Hari Belia di Dataran Putrajaya baru- baru ini. Usaha-usaha sebegini akan diteruskan supaya maklumat mengenai urusan pengambilan yang dilaksanakan oleh SPA sampai kepada kumpulan-kumpulan sasaran dengan cepat dan tepat.

Hasil daripada usaha-usaha oleh SPA, bilangan pemohon untuk jawatan perkhidmatan awam yang diterima oleh SPA dari kaum Cina dan India telah meningkat dengan mendadak dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Bagi kaum Cina, dari 6,500 pemohon pada tahun 2005, ianya telah meningkat ke 12,872 pada tahun 2007

dan 25,789 pada tahun 2009 iaitu peningkatan 290%. Bagi kaum India, bilangan pemohon ialah 9,826 pada tahun 2005, 18,553 pada tahun 2007 dan 40,504 pada tahun 2009, iaitu peningkatan 312%.

Bilangan pemohon kaum Cina dan India yang ditawarkan pelantikan oleh SPA juga telah meningkat dengan mendadak. Bagi kaum Cina, 922 pada tahun 2005 ke 1,323 pada tahun 2007 dan 2,660 pada tahun 2009, peningkatan 188%. Bagi kaum India, 887 pada tahun 2005, 1,182 pada tahun 2007 dan 2,398 pada tahun 2009, peningkatan 170%. Usaha akan diteruskan untuk menambah lagi bilangan pengambilan penjawat awam kaum Cina dan India.

Pengambilan pekerja/pegawai Kerajaan dalam perkhidmatan awam di bawah bidang kuasa SPA (tidak termasuk yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Melantik yang lain) mengikut kaum sejak tahun 2005 adalah seperti yang dirumuskan dalam lampiran.

**Lampiran:**

**Tawaran Lantikan Penjawat Awam oleh Suruhaniava Perkhidmatan Awam (SPA)**

<b>Kaum</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>
Melayu	13,378	22,618	31,507	41,177	34,536
Bumi S & S	1,670	2,926	3,909	5,768	10,277
Cina	922	1,045	1,323	2,286	2,660
India	887	1,150	1,182	2,367	2,398
Lain-lain	174	486	452	774	885
<b>JUMLAH</b>	<b>17,031</b>	<b>28,225</b>	<b>38,373</b>	<b>52,369</b>	<b>50,756</b>

**NO. AUM : 45 NO.**

**AUP. : f 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                      TUAN DING      KUONG HIING [ SARIKEI ]**

**TARIKH                              8 JULAI 2010**

**RUJUKAN                            2806**

**SOALAN:**

**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku di sepanjang Lebuhraya Borneo dan jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya sepanjang Jalan Betong Sarikei dari tahun 2001 hingga sekarang. Nyatakan juga rancangan/program Kementerian yang berkesan dan telah berjaya dilaksanakan bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara kita dalam RMK-9**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sarikei yang mengemukakan pertanyaan.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini,**



**jumlah kemalangan yang dilaporkan berlaku sepanjang Lebu Raya Borneo Sejak tahun 2001 hingga April 2010 adalah 2,950 dan jumlah kematian akibat kemalangan di jalan raya betong-sariki ialah sebanyak 166.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Bagi mengurangkan kadar kemalangan dan memastikan pengguna jalan raya selamat di seluruh negara, Kerajaan telah menaikkan taraf sepanjang 317 km jalan raya dan membaik pulih 988 kawasan jalan yang sering berlaku kemalangan.**

**Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kes kemalangan ini antaranya ialah;**

- i. Mengadakan jalinan kerjasama antara semua agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan, PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Lembaga Lebu Raya Malaysia dan Institut Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS);**
- ii. Mengadakan kempen kesedaran dan khidmat nasihat kepada pengguna-pengguna jalan raya tentang kepentingan pemanduan**

berhemah;

- iii. Mengambil tindakan undang-undang dengan lebih tegas ke atas pesalah-pesalah trafik.

**NO. SOALAN:**

**44 PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA Y.B DATUK ERICENCHIN MAJIMBUN  
(SEPANGGAR)**

**TARIKH 8 JULAI 2010**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Sistem Mahkamah Tinggi diwujudkan sebagai Mahkamah Tinggi Malaya (Semenanjung), Sabah dan Sarawak. Adakah kedua-kedua mahkamah ini mempunyai kuasa anatominya sendiri tanpa ada campur tangan Kerajaan Persekutuan dan dipastikan bahawa semua Mahkamah Rendah masing-masing dikendalikan oleh kedua-dua Mahkamah Tinggi.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa

**hendaklah terdapat dua Mahkamah Tinggi yang setara bidang kuasa dan tarafnya iaitu satu di Negeri-Negeri Tanah Melayu, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Malaya dan satu lagi di Negeri Sabah dan Sarawak, yang dikenali sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak. Walau**

02/07 2»' i«

bagaimanapun, pengasingan tersebut hanyalah untuk tujuan pentadbiran sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kedua-dua mahkamah ini mempunyai autonominya sendiri dan campur tangan dari mana-mana pihak adalah sama sekali tidak wujud kerana kesemua hakim-hakim dan pegawai-pegawai kehakiman adalah bebas untuk menjalankan tugas dan tidak terikat dengan mana-mana pihak sekalipun.

Kesemua mahkamah-mahkamah rendah di Semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak adalah di bawah seliaan dan kendalian oleh kedua- kedua Mahkamah Tinggi masing-masing.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN :</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABUBAKAR [JERANTUT]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>8 JULAI 2010</b>

**SOALAN:**

Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah cara-cara yang lain oleh pihak SPR untuk mengurangkan pilihan raya kecil bila berlakunya kekosongan. Ini disebabkan telah banyak wang rakyat yang telah dibazirkan melalui pilihan raya kecil ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Undang-undang sekarang, kekosongan sesuatu kerusi sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri akan disahkan kekosongan jika seseorang Ahli Dewan meninggal dunia, atau muflis, atau dikenakan hukuman penjara tidak kurang satu tahun atau didenda tidak kurang RM 2000.00, jika sabit kesalahan, atau

diisytiharkan oleh mahkamah kerusi tersebut kosong berikutan kes petisyen pilihan raya atau meletakkan jawatan.

Keperluan untuk mengadakan pilihan raya kecil adalah berdasarkan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan Raya 1958. Ini kerana pengosongan kerusi tersebut merupakan suatu kekosongan luar jangka yang hendaklah diisi dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan luar jangka itu dipastikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya melalui suatu pilihan raya kecil sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (1) Perkara 54 Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, buat masa ini, cara yang terbaik ialah melaksanakan apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.



**NO.AUM : 39**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                      LISAN**

**DARIPADA                      TUAN HEE LOY SIAN [ PETALING JAYA SELATAN ]**

**TARIKH                              8 JULAI 2010**

**RUJUKAN                            2805**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah bilangan anggota polis termasuk dari Cawangan Khas (*Special Branch*) yang ditugaskan dan jumlah kos digunakan untuk kedua-ke dua Pilihan Raya Kecil Parlimen Hulu Selangor dan Sibu.**





## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang mengemukakan soalan.**

**Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, bilangan pegawai dan anggota polis termasuk dari Cawangan Khas yang ditugaskan semasa Pilihanraya Kecil Hulu Selangor adalah seramai 4,009 dan bagi Pilihanraya Kecil Sibu adalah seramai 1,737 orang. Manakala kos keseluruhan bagi Pilihanraya Kecil Hulu Selangor adalah sebanyak RM10,547,995.00 dan bagi Pilihanraya Kecil Sibu adalah sebanyak RM4,561,634.00.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN                      LISAN  
DARIPADA                        DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
  
   [ Pengerang - BN ]  
  
TARIKH                              **8 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 47**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang - BN ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah yang diambil untuk menarik kembali minat dan sokongan generasi muda yang semakin menjauhkan diri dari pertubuhan belia dan persatuan sukan dalam membendung gejala negatif dan masalah sosial yang semakin meningkat.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman yang berhormat, penglibatan golongan belia dalam persatuan kini telah menunjukkan peningkatan yang positif dan menggalakkan. Di mana sehingga Jun 2010, dianggarkan seramai 2,156,022 orang telah menyertai persatuan berbanding 1,913,101 orang pada tahun 2009.
2. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa berusaha untuk menarik minat dan meningkatkan penyertaan generasi belia terhadap persatuan melalui pelbagai pendekatan, antaranya:

**SULIT**

- i) Mewujudkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 di mana telah mengehendkan umur belia dan pemimpin belia sehingga 40 tahun. Manakala tempoh memegang jawatan dalam pertubuhan belia pula tidak boleh melebihi 2 (dua) penggal;
  - ii) Melaksanakan Program IKomuniti IPersatuan dengan mewujudkan persatuan belia hingga ke peringkat akar umbi. Kementerian juga telah mewujudkan Kelab Rakan Muda di setiap kawasan Parlimen yang dianggotai oleh belia/remaja berusia antara 15 hingga 25 tahun; serta
  - iii) Mewujudkan **2 buah Gelanggang Sukan Pelbagai Guna** di setiap DUN seluruh negara. Kini Kementerian telah berjaya menyediakan sejumlah 761 buah gelanggang daripada **1,209 buah** yang dirancang di seluruh negara.
3. Dengan semua pendekatan dan usaha-usaha yang dijalankan ini, di harap akan dapat mengelakkan golongan belia dari terlibat dalam kegiatan tidak berfaedah atau gejala sosial seperti jenayah.lepak.rogol dan sebagainya.



PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA DR MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)  
TARIKH : 8 JULAI 2010 (KHAMIS)  
SOALAN **DR MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA** minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan:**

Bagaimanakah cara pembayaran Bernas kepada petani-petani setelah padi mereka dijual kepada Bernas.

**JAWAPAN** Tuan

Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Aktiviti belian padi oleh BERNAS dilaksanakan sama ada di Kilang Beras Bernas (KBB) atau di premis lokasi agen yang dilantik seperti Kilang Skim Pusat Belian (Kilang Bumiputera) dan Pelesen. BERNAS akan membuat bayaran bagi belian padi melalui 2 kaedah iaitu secara *direct banking* ke dalam akaun petani atau *direct banking* ke dalam akaun pihak ketiga. Pihak ketiga tersebut perlu dilantik oleh petani terlebih dahulu dan mereka merupakan pihak yang mewakili para petani seperti Pertubuhan Peladang Kawasan(PPK). Bayaran melalui kedua-dua cara tersebut akan dibuat dalam tempoh tidak melebihi 3 hari bekerja selepas bil belian padi dikeluarkan. Buat masa ini pembayaran secara *direct banking* ini dibuat melalui 3

SOALAN NO: 49

bank utama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Agro Bank.

**PERTANYAAN**  
**BAGI JAWAB**  
**LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** h Merah ]  
8JULAI 2010

**DARIPADA**

**TARIKH**

**SOALAN [49] :**  
**BAGI JAWAB**  
**LISAN**

Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan berapa banyakkah Kerajaan membelanjakan kos pengiklanan di akhbar New York Times pada Mei 2010 untuk isteri Perdana Menteri dan kos keseluruhan lawatan tersebut.

Ab  
Ghan  
i  
[Tana



**Jawapan:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuantan, ke atas soalan yang telah dikemukakan.**

**Tuan Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya saya memohon supaya saya diizinkan menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Subang yang dijadualkan pada 24 Jun 2010, Yang Berhormat Lembah Pantai pada 30 Jun 2010, Yang Berhormat Kota Raja pada 7 Julai 2010 dan Yang Berhormat Tanah Merah pada 8 Julai 2010 oleh kerana soalan-soalan yang dikemukakan adalah serupa dengan soalan Yang Berhormat Kuantan pada hari ini.**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri dan pihak Kerajaan tidak terlibat dalam penempahan iklan ucapan tahniah kepada YABhg Datin Sri Rosmah yang disiarkan dalam akhbar Amerika Syarikat, *The New York Times* pada 16 April 2010.**

**Kerajaan juga sedar terdapat pelbagai pihak yang membuat komen dan spekulasi terhadap iklan ucapan tahniah tersebut. Ini**



termasuk spekulasi kos penempahan iklan sepertimana yang dipaparkan dalam *The Nutgraph* pada 11 Mei 2010.

Saya juga ingin menegaskan bahawa pengiklanan tersebut adalah tindakan pihak persendirian yang tidak melibatkan sebarang bayaran yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia.

Dalam hal ini, pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab dalam memberi penjelasan terhadap sebarang tindakan yang dibuat oleh pihak persendirian, termasuk mengenai soalan bayaran pengiklanan, jika ada, terhadap iklan ucapan tahniah sepertimana yang disiarkan oleh *The New York Times* pada 16 April 2010.

**Sekian Terima kasih**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI  
(GOMBAK)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.07.2010**

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak) minta MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai perkhidmatan yang telah dibayar sehingga kini oleh Syarikat APCO Worldwide bagi perkhidmatan komunikasi yang telah diberikan untuk Kerajaan Persekutuan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Untuk makluman yang Berhormat, Kerajaan telah melantik syarikat Apco Worldwide Sdn Bhd sebagai penasihat dan perunding untuk meningkatkan lagi kapasiti Kerajaan dalam bidang komunikasi agar ia selari dengan amalan terbaik dunia. Selain itu, syarikat ini juga diminta melaksanakan program mempromosi dan mengurus imej negara di peringkat antarabangsa. Di bawah Kumpulan G, Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975, perkhidmatan perunding adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 5%.

Dengan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dibayar apabila syarikat menerima bayaran daripada pelanggan atau dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh invoice dikeluarkan.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL  
KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS (2010) NO. SOALAN:..^**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA  
TARIKH 08 JULAI 2010 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Y.B TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [ Bachok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah keseluruhan kes di Mahkamah Syariah mengikut negeri dan jenis kes dari tahun 2005 hingga 2009.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM  
(B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah mengikut negeri dari tahun 2005 hingga 2009 adalah seperti berikut :-

**JUMLAH KES MAL**

<b>NEGERI</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>JOHOR</b>	<b>5658</b>	<b>6131</b>	<b>6575</b>	<b>7060</b>	<b>7715</b>	<b>33139</b>
<b>KEDAH</b>	<b>4105</b>	<b>6099</b>	<b>4584</b>	<b>7148</b>	<b>4606</b>	<b>26542</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>5912</b>	<b>6354</b>	<b>8937</b>	<b>10585</b>	<b>10075</b>	<b>41863</b>
<b>MELAKA</b>	<b>1410</b>	<b>1571</b>	<b>2022</b>	<b>2198</b>	<b>2640</b>	<b>9841</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>2053</b>	<b>2677</b>	<b>3161</b>	<b>3789</b>	<b>4431</b>	<b>16111</b>
<b>PAHANG</b>	<b>2671</b>	<b>3104</b>	<b>2549</b>	<b>4028</b>	<b>4932</b>	<b>17284</b>
<b>PERAK</b>	<b>2475</b>	<b>2245</b>	<b>3377</b>	<b>3972</b>	<b>4561</b>	<b>16630</b>
<b>PERLIS</b>	<b>1157</b>	<b>1352</b>	<b>2125</b>	<b>1943</b>	<b>1818</b>	<b>8395</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>3483</b>	<b>3596</b>	<b>3972</b>	<b>3967</b>	<b>4002</b>	<b>19020</b>
<b>SABAH</b>	<b>5631</b>	<b>6204</b>	<b>6515</b>	<b>8518</b>	<b>8466</b>	<b>35334</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>2235</b>	<b>2649</b>	<b>2892</b>	<b>2987</b>	<b>3601</b>	<b>14364</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>5641</b>	<b>7413</b>	<b>8995</b>	<b>10536</b>	<b>11924</b>	<b>44509</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>3402</b>	<b>3827</b>	<b>4517</b>	<b>5186</b>	<b>5857</b>	<b>22789</b>
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>4130</b>	<b>4785</b>	<b>5630</b>	<b>6397</b>	<b>3181</b>	<b>24123</b>

**JUMLAH KES JENAYAH SYARIAH**

<b>NEGERI</b>	<b>2005</b>	<b>2006</b>	<b>2007</b>	<b>2008</b>	<b>2009</b>	<b>JUMLAH</b>
<b>JOHOR</b>	<b>3606</b>	<b>3865</b>	<b>3508</b>	<b>3974</b>	<b>4213</b>	<b>19166</b>
<b>KEDAH</b>	<b>910</b>	<b>1001</b>	<b>831</b>	<b>1037</b>	<b>252</b>	<b>4031</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>1691</b>	<b>1826</b>	<b>1713</b>	<b>1864</b>	<b>2055</b>	<b>9149</b>
<b>MELAKA</b>	<b>294</b>	<b>1180</b>	<b>901</b>	<b>1426</b>	<b>643</b>	<b>4444</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>820</b>	<b>646</b>	<b>587</b>	<b>619</b>	<b>2219</b>	<b>4891</b>
<b>PAHANG</b>	<b>386</b>	<b>481</b>	<b>506</b>	<b>675</b>	<b>229</b>	<b>2277</b>
<b>PERAK</b>	<b>587</b>	<b>635</b>	<b>1096</b>	<b>2112</b>	<b>1487</b>	<b>5917</b>
<b>PERLIS</b>	<b>304</b>	<b>292</b>	<b>325</b>	<b>196</b>	<b>424</b>	<b>1541</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>1288</b>	<b>701</b>	<b>944</b>	<b>1101</b>	<b>1083</b>	<b>5117</b>
<b>SABAH</b>	<b>290</b>	<b>246</b>	<b>243</b>	<b>126</b>	<b>310</b>	<b>1215</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>333</b>	<b>302</b>	<b>172</b>	<b>173</b>	<b>200</b>	<b>1180</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>1460</b>	<b>990</b>	<b>996</b>	<b>978</b>	<b>1700</b>	<b>6124</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>412</b>	<b>816</b>	<b>698</b>	<b>679</b>	<b>1098</b>	<b>3703</b>
<b>WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>871</b>	<b>573</b>	<b>694</b>	<b>717</b>	<b>1481</b>	<b>4336</b>

Manakala jenis kes pula terdapat sebanyak 72 jenis kes Mai dan 88 jenis kes Jenayah Syariah yang didaftarkan di Mahkamah Syariah seluruh negara sepanjang tahun 2005 hingga 2009 . Antara jenis kes Mai yang paling banyak didaftarkan antara tahun 2005 hingga 2009 mengikut negeri iaitu

	JENIS KES	JOH	KED	KEL	N.S	MEL	PHG	PRK	PRL	P.P	SBH	SWK	SEL	TRG	WP	JUMLAH
1	Permohonan Pengesahan / Perintah Nikah	2393	172	12049	275	364	172	528	661	1115	2304	202	437	2203	3500	26375
2	Permohonan / Tuntutan Kebenaran Poligami	1358	516	879	284	242	424	603	1066	213	707	220	671	896	430	8509
3	Permohonan Perintah Daftar Nikah Poligami	292	266	4	76	96	14	242	389	364	21	10	408	5	2	2189
4	Permohonan Fasakh	1719	382		2451	436	788		888	643	3601	665	2877	1087		15537
5	Tuntutan Muta'ah	309	240	502	386	239	270	132	78	397	104	334	611	285	663	4550
6	Tuntutan Harta Sepencarian	234	276	238	409	165	384	321	102	229	127	129	702	288	411	4015
7	Tuntutan Nafkah Isteri	116	137	289	97	29	42	67	29	111	84	25	225	50	99	1400
8	Tuntutan Nafkah Eddah	280	240	373	406	203	217	143	77	743	185	272	525	274	824	4762
9	Tuntutan Nafkah Anak	640	692	1290	714	332	573	347	174	946	575	531	1214	356	1145	9529
10	Tuntutan Hadhanah/Hak Lawatan	907	591	420	848	546	479	423	233	583	410	509	1587	449	1346	9331
11	Tuntutan Penghutang Penghakiman	214	2	91	274	111	197	218	18	172	29	104	484	303	260	2477
12	Permohonan Perintah Interim	155	102	147	56	60	186	197	1	116	110	52	675	420	272	2549
13	Permohonan Sijil Faraid / Akuan Pusaka	5161	10881	4534		602	2112	2118	1625	4477	8041	142	3948	2558	2558	48757
14	Permohonan Faraq Nikah	65	62	90	22	12	51	23	19	14	548	14	312	26	29	1287
15	Permohonan Kebenaran Nikah Bawah Umur	260	233	835	166	88	339	91	101	52	683	750	319	358	125	4400
16	Permohonan Wali Hakim / Am	4111	859	859	1101	849	1184	1091	314	763	6601	4235	3477	778	2187	28409
17	Tuntutan Wali Enggan / Faskah	285	72	193	129	69	88	97	37	48	85	51	194	217	63	1628
18	Tuntutan Pengesahan Lafaz Cerai	4998	4200	3175	2795	1976	3311	2744	727	2524	1637	1874	10369	4140	4347	48817
19	Tuntutan Perceraian	6474	4130	10753	2519	1961	5689	4314	1280	3912	3761	2735	12031	5356	6273	71188
20	Tuntutan Pengesahan Cerai Taklik	2300	1697	3149	231	1028	1431	1145	42	691	319	1471	931	1954	460	16849



**Bagi jenis kes Jenayah Syariah yang banyak didaftarkan antara tahun 2005 hingga 2009 mengikut negeri adalah seperti berikut:**

	JENIS KES	JOH	KED	KEL	N.S	MEL	PHG	PRK	PER	P.P	SBH	SWK	SEL	TRG	WP	JUM
1	Persediaan Bersetubuh Di Luar	74		12	2067	26		1		35			112	304		2631
2	Nikah Berjudi	1217			161	396		645		127	23		290	5	124	2988
3	Meminum Minuman Yang	72	7	17	101	18	12	96	4	13	30	39	9	4	31	453
4	Bersetubuh Di Luar Nikah	3068	1	1	2	483	6	12		100	200	8	66	12	69	4028
5	Khalwat	7707	1572	2874		1484	1365	2775	310	2361	345	131	3209	2475	1138	27746
6	Subahat	418	33	7	97	24	128	3	213	14	2		557	1	340	1837
7	Tidak Menghormati Ramadhan	310	12	180		100	61	55	11	46	27	67	20	29	30	948
8	Perbuatan Tidak Sopan Di Tempat Awam	722	87	2123		39	9	1169	25	779	36		30	407	105	5531
9	Tidak Hadir Di Hadapan Pendaftar Nikah Cerai Dan Rujuk	755	271		263	53		1	215	65	2	1	104		55	1785
10	Kesalahan Berhubung Akad Nikah	114	624	115	26	125	184	46	1	3	148	84	18	32	71	1591
11	Berkahwin Bersalahan Dengan Bahagian Dua Undang-undang Keluarga Islam	2628	987	1232	916	12	421	625	517	475	216		471	3	871	9374
12	Poligami Tanpa Kebenaran	849	423	539	330	55	241	163	191	132	43	33	506	7	455	3967
13	Mahkamah Perceraian Tanpa Kebenaran Mahkamah	965			396	341	163	36	11	491	47	796	428			3674
14	Hamil Luar Nikah			15		885		161	20		4					1085

**Sekian, terima kasih.**



**SOALAN NO:**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
BAGI JAWAB  
LISAN  
PERTANYAAN RAKYAT LISAN  
DARIPADA TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]**

**TARIKH 8 JULAI 2010**

**RUJUKAN**

**SOALAN:**

**2807**

**Tuan Llm Kit Siang [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Kerajaan tidak meminta maaf secara rasmi terhadap tindakan polis yang secara sewenang- wenangnya membunuh budak berumur 14 tahun, Aminulrasyid Amzah di Shah Alam pada 26.4.2010 dan mengapakah siasatan hanya dilakukan oleh Panel Khas diketuai oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dan bukannya suatu siasatan terbuka.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kertas siasatan berhubung kes kematian Aminulrashid Amzah telah pun diserahkan oleh pihak polis kepada Pejabat Timbalan Pendakwaraya untuk perbicaraan di Mahkamah. Sehubungan dengan itu, isu permohonan maaf yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak relevan. Isu sama ada suspek telah melakukan kesalahan atau tidak adalah terletak di bawah bidangkuasa Mahkamah. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar bagi Kerajaan untuk mengambil sebarang tindakan sebelum kes tersebut diputuskan oleh Mahkamah.**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Panel Khas Pemantauan Siasatan Berhubung Kes Kematian Aminulrashid Amzah yang ditubuhkan oleh Kementerian Dalam Negeri mempunyai dua objektif utama iaitu:**

- (i) untuk memantau secara langsung proses penyiasatan yang dijalankan oleh PDRM bagi memastikan siasatan yang dijalankan adalah adil, telus, pantas, tidak tertanggung dan menjamin keadilan kepada semua pihak yang terlibat; dan
- (ii) untuk meneliti prosedur penggunaan senjata api oleh polis dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan dengan operasi, penugasan polis dan seterusnya membuat syor bagi menambahbaik prosedur-prosedur berkenaan.

Sehubungan dengan itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Panel Khas ini menjalankan siasatan secara dalaman adalah tidak benar. Panel ini hanya memantau proses siasatan yang dijalankan oleh polis dan setakat ini berpuas hati bahawa siasatan yang dijalankan adalah telus dan telah diselesaikan dalam tempoh yang singkat.

**SOALAN NO: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO**

**[ KLANG ]**

**TARIKH : 8 JULAI 2010**

**SOALAN :**

**TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan rancang untuk menyiasat dakwaan Barry Wain dalam buku terbarunya yang mengatakan bahawa mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir bertanggungjawab atas kerugian kewangan dan '*write-off*' berjumlah RM100 bilion semasa beliau menjadi Perdana Menteri untuk 22 tahun.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Klang dan setelah meneliti buku berkenaan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati secara umumnya tiada elemen perlakuan rasuah berlaku. Dengan itu, SPRM tidak bercadang untuk menjalankan siasatan kerana tiada asas berlakunya kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian. Terima kasih.

**NO. AUM : 56**

**NO. AUP :**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED [ SEKIJANG ]**

**8 JULAI 2010**

**DARIPADA 2808**

**TARIKH**

**RUJUKAN SOALAN:**

**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah pekerja asing  
yang bekerja di negara ini mengikut negara dan tahun dari tahun  
2006, 2007, 2008, 2009 dan 2010.**

Tuan Yang Dipertua,

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sekijang di atas soalan yang dikemukakan.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) jumlah pekerja asing mengikut tahun adalah seperti berikut**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah pekerja asing</b>
<b>2006</b>	<b>1,869,209</b>
<b>2007</b>	<b>2,044,805</b>
<b>2008</b>	<b>2,062,596</b>
<b>2009</b>	<b>1,918,146</b>

**Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) jumlah pekerja asing yang dicatatkan bagi tempoh 01 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009 adalah seramai 1,918,146 orang pekerja asing. Pecahan mengikut 5 buah negara sumber dengan jumlah pekerja yang paling ramai adalah seperti berikut:-**

- 1. Indonesia 991,940**
- 2. Bangladesh 319,020**
- 3. Nepal 182,668**
- 4. Myanmar 139,731**
- 5. India 122,382**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**



**Tuan Yang Di-Pertua,**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH 8 JULAI 2010**

**SOALAN**

**PUAN Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

**(a) langkah-langkah yang diambil untuk menyelaraskan peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital di bawah seliaan Kementerian dengan pegawai-pegawai perubatan di hospital-hospital Kerajaan lain di bawah Kementerian Kesihatan; dan**

**(b) adakah berlaku ketidakseimbangan di antara keduanya.**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, Pegawai Perubatan yang berkhidmat di hospital/fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah merupakan Pegawai Perubatan di bawah seliaan KKM. Selain itu, terdapat juga Pegawai Perubatan yang berkhidmat di hospital/fasiliti kesihatan Kerajaan yang lain selain daripada KKM seperti di bawah Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pegawai- pegawai Perubatan ini bukan merupakan Pegawai Perubatan di bawah seliaan KKM.**

## **SOALAN NO : 55**

**Pada dasarnya syarat-syarat kenaikan pangkat bagi Pegawai Perubatan dalam perkhidmatan awam adalah sama bagi semua kementerian seperti mana yang diperuntukkan dalam peraturan- peraturan berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat pegawai awam.**

**Selain itu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan pada 9 Mac 2010 telah mengumumkan penambahbaikan laluan kerjaya Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia. Laluan kerjaya ini juga telah dipanjangkan kepada kementerian-kementerian berkenaan bagi tujuan urusan kenaikan pangkat Pegawai Perubatan di agensi masing-masing.**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Bagi KKM, pelaksanaan urusan kenaikan pangkat Pegawai Perubatan telah pun diselaraskan berdasarkan peraturan-peraturan sedia ada dan laluan kerjaya yang telah diluluskan. Saya percaya bahawa perkara ini juga telah diselaraskan di kementerian- kementerian lain memandangkan laluan kerjaya tersebut telah dipanjangkan kepada kementerian-kementerian berkenaan.**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**

**(REMPAU)**

**TARIKH**

**08.07.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [ REMPAU ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) jumlah pelajar bukan Bumiputera di sekolah kebangsaan berbanding sekolah jenis kebangsaan; dan
- (b) keberkesanan teras ketiga Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) untuk memperkasakan sekolah kebangsaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sehingga 31 Julai 2009, jumlah pelajar Bumiputera di sekolah kebangsaan adalah seramai 2,227,082 (95.40%) berbanding dengan pelajar bukan bumiputera seramai 107,265 (4.60%). Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) bilangan pelajar Bumiputera adalah seramai 52,742 (8.50%) berbanding dengan pelajar bukan Bumiputera pula adalah seramai 567,475 (91.50%). Manakala bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, pelajar bumiputera adalah seramai 314 (0.29%) manakala pelajar bukan Bumiputera adalah seramai 108,547 (99.71%).

- (b) Sebagai langkah untuk terus memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) menjadi pilihan utama ibubapa, maka mata pelajaran bahasa Mandarin dan bahasa Tamil di SK akan diperluaskan. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat diperkasakan di sekolah tersebut, di samping membantu meningkatkan keupayaan berintegrasi di antara kaum, yang bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia. Untuk tujuan tersebut, semua sekolah akan dibekalkan dengan guru opsyen berkenaan secara berperingkat- peringkat untuk mengajar bahasa tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN (LIPIS)**  
**TARIKH** **PERTA NYAAN** **LISAN**  
**08.07.2010**  
**SOALAN NO** **57**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) minta MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang membuat pengeluaran untuk melabur dalam syarikat unit amanah yang diluluskan oleh Lembaga KWSP.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pengeluaran Pelaburan Ahli (SPPA) telah diperkenalkan pada 1 November 1996. Skim ini bertujuan untuk memenuhi permintaan sebahagian besar ahli KWSP yang ingin mengambil pelaburan yang berisiko lebih tinggi dan dengan pulangan yang lebih tinggi ke atas simpanan mereka dalam jangka masa panjang. Pengeluaran untuk melabur dalam SPPA adalah atas pilihan ahli sendiri. Oleh itu, ahli bertanggungjawab untuk memantau pelaburan yang telah mereka buat berdasarkan toleransi risiko yang dipilih.

2. Bagi tujuan pelaburan ini, ahli boleh membuat pengeluaran dengan jumlah minimum sebanyak RM 1,000 sehingga maksimum 20% daripada baki yang melebihi Simpanan Asas (SA - Had jumlah mengikut umur pencarum) yang diperlukan dalam Akaun 1. Jumlah yang dikeluarkan akan dilaburkan meialui Institusi Pengurusan Dana (IPD) yang dilantik oleh KWSP.

3. Sejak SPPA diperkenalkan, KWSP telah meluluskan 2,671,432 permohonan dengan jumlah pelaburan keseluruhan sebanyak RM25.22 bilion. Walau bagaimanapun,

jumlah tersebut berubah-ubah dari masa kesemasa kerana ahli

dikehendaki mengembalikan semula amaun yang dilabur (termasuk keuntungan) kepada KWSP sebaik-baik sahaja amaun pelaburan dijual. Amaun yang dikembalikan akan dikreditkan semula ke Akaun 1. Setakat Mei 2010, seramai 589,503 ahli masih aktif mengekalkan unit pelaburan mereka dalam 37 Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan.





**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARIPADA**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]**

**TARIKH**

**8 JUL2010 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Ahmad Laibin Bujang [ Sibuti ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Ahli Yang Berhormat di setiap kawasan akan dimaklumkan perkembangan projek-projek peruntukan khas NKRA bagi membolehkan Ahli Yang Berhormat di kawasan sentiasa peka dengan perkembangan projek untuk diperjelaskan kepada rakyat.

***JAWAPAN: (YB TAN SRI DR KOH TSU KOON)***

Tuan Yang di-Pertua,

Makluman mengenai perkembangan projek-projek di bawah setiap NKRA akan diberi kepada Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada permintaan. Adalah juga diminta kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat untuk memberi maklumbalas mengenai kemajuan pelaksanaan dan masalah-masalah yang timbul kepada pihak Kementerian yang menerajui NKRA supaya langkah-langkah dapat diusahakan untuk menambahbaik pelaksanaan dan menyelesaikan masalah. Sememangnya, tujuan NKRA ialah untuk menjamin supaya "rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan" mengikut gagasan 1 Malaysia.

**DARIPADA : PUAN SITI Z AIL AHBINTI MOHD. YUSOFF**

**(RANTAU PANJANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.07.2010**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang kelulusan lesen judi semasa

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

kejohanan bola sepak Piala Dunia 2010 kepada Berjaya Group yang menggunakan lebih 200 rangkaian kedai pertaruhan Toto untuk tujuan tersebut. Apakah justifikasinya kepada agama, bangsa dan negara.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang Berhormat jua, Kerajaan dengan muktamad memutuskan tidak akan mengeluarkan lesen *Sport Betting* kepada Ascot Sports Sdn Bhd seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri/ Menteri Kewangan pada 25hb Jun 2010 dan sekali lagi ditegaskan oleh YB Menteri Kewangan II dalam sesi ucapan penggulungan Kementerian Kewangan bagi perbahasan RMK-10 di Dewan Parlimen pada 29hb Jun 2010.

## SOALAN NO: 60

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: ~~Y.B. TUAN SIM TONG HIM~~ **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

TARIKH: 8 JULAI 2010

SOALAN:

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA**

menyatakan :-

- (a) bidang-bidang yang masih memerlukan pekerja asing dan angkanya bagi setiap bidang; dan
- (b) nyatakan sekatan-sekatan yang masih berkuat kuasa pada setakat ini dan bagaimanakah Kementerian dapat **mengatasi kekurangan pekerja yang mahir dalam sektor pembuatan “machinery”**.

PR-1232-L37358

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Secara dasarnya Kerajaan telah menetapkan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan Kerajaan melihat keperluan pekerja asing di Malaysia adalah bersifat sementara dan bukan untuk keperluan jangka panjang.

Pada masa ini, sektor-sektor yang masih memerlukan pekeija asing ialah sektor pembinaan, pembuatan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian. Kerajaan juga telah membenarkan pengambilan pekerja asing di sektor elektrik, eletronik, tekstil disamping subsektor tukang masak restoran, pekerja pencucian dan pekerja di pusat peranginan.

Bilangan pekerja asing sehingga 28 Februari 2010 seramai 1,803,260 orang. Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut:

<b>SEKTOR</b>	<b>JUMLAH PEKERJA ASING</b>
Pembinaan	288,722
Perkhidmatan	180,890
Pembuatan	688,886
Perladangan	256,382
Pertanian	163,836
Pembantu Rumah	224,544
<b>Jumlah</b>	<b>1,803,260</b>

**Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Dalam Negeri**

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Kerajaan telah membenarkan kemasukan pekerja asing bagi sektor-sektor yang dinyatakan diatas dan dalam masa yang sama telah menetapkan sekatan-sekatan berikut iaitu:

- i. Tiada kebenaran baru bagi menjalankan perniagaan membekalkan dan mengurus Pekerja Asing (*outsourcing*) akan dikeluarkan.
- ii. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (*Frontliner*).
- iii. Pekerja asing dibenarkan bekerja di negara ini untuk tempoh maksima 5 tahun sahaja bagi semua kategori pekerjaan kecuali pembantu rumah.
- iv. Strategi pengurangan kebergantungan industri terhadap pekerja asing akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan ekonomi dan kesesuaian bagi mengelakkan ianya memberi kesan negatif kepada industri dan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan bagi mengatasi kekurangan pekerja mahir dalam

sektor pembuatan “machinery” adalah seperti berikut:

- i) Untuk jangka pendek, KSM mengadakan program untuk mendapatkan pekerja mahir yang diperlukan oleh industri pembuatan menerusi program 3P dan sebagainya;
- ii) Untuk jangka panjang, KSM mengeluarkan tenaga mahir yang diperlukan oleh sektor pembuatan dalam bidang-bidang yang diperlukan menerusi Pusat Latihan Kemahiran yang ditauliahkan sebanyak 995 pusat bertauliah (PB) di seluruh negara merangkumi 4,915 program dan meliputi 22 sektor industri;
- iii) Bagi meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada, pekerja industri boleh mendapatkan latihan kemahiran melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Kerajaan berhasrat untuk melahirkan 80,000 pekerja mahir melalui program SLDN bagi tempoh RMK-10; dan
- iv) Kementerian menerusi PSMB meningkatkan kemahiran tenaga kerja melalui levi yang dicarum dalam bidang yang diperlukan industri.